

BAB 4 : BONIFACIO DAN REVOLUSI FASA PERTAMA : PERSAINGAN DAN KRISIS KEPIMPINAN

4.1 Peristiwa Yang Menjurus Ke arah Revolusi

Laluan berliku yang dilalui oleh gerakan pasif serta penahanan tokoh pergerakan tersebut iaitu Jose Rizal seolah-olah menyedarkan Andres Bonifacio bahawa revolusi merupakan satu-satunya cara untuk menyingkirkan Sepanyol dari Filipina.¹ Maka idea revolusi ini telah direalisasikan oleh beliau berbekalkan semangat kental dan sifat patriotisme untuk membebaskan Filipina daripada Sepanyol. Tidak dapat dinafikan Katipunan pada peringkat awal banyak berkisar kepada pendapat dan idea tokoh utamanya Andres Bonifacio. Katipunan telah mempunyai kekuatan dan pengaruh yang besar untuk membolehkannya menjadi agen yang mengubah hala tuju gerakan nasionalisme di Filipina. Sekiranya tidak mempunyai kekuatan sebegini adalah mustahil untuk Katipunan melakukan tindakan perubahan drastik dalam cara tuntutan kemerdekaan iaitu melalui revolusi. Revolusi memerlukan penyatuan, keberanian dan matlamat yang sama. Katipunan berjaya menyediakan penduduk Filipina ke arah ini.

Bonifacio berjaya membentuk masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme dan sanggup berkorban untuk *motherland*. Unsur heroisme ini telah diterapkan dengan begitu baik sehingga *motherland* menjadi aspek yang paling penting dalam kehidupan mereka. Unsur heroisme ini amat ketara dalam kumpulan *bayani* yang telah dibentuk oleh beliau. Keberanian mereka menakjubkan kerana bukan mudah untuk memiliki sifat yang sebegini.

¹ Katipunan yang ditubuh oleh Bonifacio dari awal lagi telah bermiat untuk menjatuhkan kerajaan Sepanyol di Filipina secara kekerasan. Dengan kata lain mereka sudah bersedia untuk mencapai matlamat mereka melalui sebuah revolusi jika dirasakan perlu. Hakikat ini menjadi lebih nyata apabila kita mengkaji latar belakang Katipunan yang banyak dicirikan oleh pertubuhan masonry.

Sebelum sesuatu revolusi berlaku, ia memerlukan perancangan dan bagaimana ia akan dilancarkan biasanya telah diatur lebih awal. Revolusi klasik seperti Revolusi Perancis dan Revolusi Rusia tercetus dengan spontan, tanpa sebarang tanda-tanda perancangan awal.² Dalam konteks di Filipina pula, walaupun masa akan berlaku Revolusi telah ditentukan, tetapi ia telah tercetus lebih awal tanpa dapat dikawal lagi kerana keadaan tidak dapat dielakkan. Walaupun Bonifacio telah membuat perancangan secara rahsia, tetapi kegiatannya terbongkar lebih awal sebelum tarikh pelancaran revolusi yang sebenarnya. Dengan itu Bonifacio tiada pilihan lain kecuali melancarkan revolusi lebih awal. Maka bermulalah satu revolusi yang dipelopori oleh golongan *bayani* yang sudah berani menggunakan kekerasan demi mencintai *motherland*.

Mulai Ogos 1896, aktiviti Katipunan diketahui dengan jelas oleh pihak Sepanyol. Sebelum terbongkarnya aktiviti Katipunan, Gabenor Ramon Blanco telah menerima beberapa maklumat. Pendedahan ini diterima daripada golongan agama dan orang biasa.³ Pada 5 Julai 1896, gabenor menerima sekeping nota daripada seorang pengawal keselamatan Awam Sepanyol mengenai beberapa individu yang terlibat dalam aktiviti misteri seperti upacara menandatangan dengan menggunakan darah sendiri. Beberapa hari kemudian, berita yang sama diterima daripada Antonio Luna⁴ iaitu seorang *ilustrado* yang menentang perjuangan radikal, bertindak mendedahkan kegiatan Katipunan kepada pihak kerajaan. Antonio Luna dalam testimoninya pada 12 November 1896 berkata seperti berikut: "I know nothing of the conspiracy until July. I am not

² Adrian E. Cristobal, *op.cit.*, hlm. 81.

³ Dua orang Father Recollect, iaitu seorang dari Cavite dan seorang lagi dari Santa Cruz (Manila) telah memberitahu gabenor mengenai gerakan besar-besaran untuk menggulingkan pemerintahan Sepanyol. Satu lagi pendedahan diterima daripada seorang paderi parish berhampiran Manila yang melaporkan mengenai kewujudan persatuan bercorak revolusi di San Juan del Monte, San Felipe Neri, San Pedro Makati dan Pasig. Sila rujuk Eufronio M. Alip, *Political and Cultural History of Philippine*, *op.cit.*, hlm. 124.

⁴ Antonio Luna – Pada tahun 1890 belajar di University of Ghent. Bersama-sama Rizal menyertai gerakan propaganda di Sepanyol. Luna menjadi kakitangan *La Solidaridad* dan kembali ke Filipina pada tahun 1892. Pada peringkat awal beliau menentang perjuangan secara radikal dan sebab itu beliau tidak menyertai Katipunan. Beliau juga memandang rendah perjuangan golongan massa di bawah bonifacio. Tetapi selepas 1898 beliau menjadi paling radikal dan menentang kuat kedatangan Amerika.

a rebel or a Mason, nor a filibuster, on the contrary, I am an accuser of men {who are these things? } and I believe that I have fulfilled my duties as a loyal son of Spain.⁵

Dengan kenyataan ini jelas, golongan *ilustrado* masih setia kepada Sepanyol dan mengkhianati perjuangan golongan massa.

Walau bagaimanapun Gabenor Blanco langsung tidak mempedulikan semua pendedahan tersebut. Dia beranggapan bahawa semua berita tersebut cuma imaginasi golongan paderi sahaja. Sebenarnya beliau khuatir semua usaha untuk membanteras kegiatan Katipunan akan mendatangkan bahaya kepada orang yang tidak bersalah sepetimana yang berlaku semasa pemberontakan Cavite.⁶ Dengan itu Blanco tidak mempedulikan semua laporan tersebut.⁷ Semua anggapan Gabenor Blanco tersilap kerana pada 19 Ogos 1896, Katipunan telah berjaya ditemui oleh Father Mariano Gil (paderi pembantu Augustinian di Tondo).⁸ Father Gil telah mendedahkan mengenai rancangan Katipunan untuk membunuh semua orang Sepanyol di Filipina. Orang Sepanyol di Manila mula berasa takut dengan perkara ini. Dengan penemuan Katipunan, ia menjadi tamparan hebat kepada Gabenor Blanco yang menyedari kelemahannya dalam menjalankan tugas di koloni. Dengan segera Gabenor Blanco bertindak untuk menghapuskan kegiatan Katipunan. Beliau mengarahkan pelaksanaan undang-undang tentera dan bertindak

⁵ Exhibit 12, Testimoni Antonio Luna bertarikh 12 November 1896, dalam P.I.R. (N. P.).

⁶ Eusefronio M. Alip Political and Cultural History of Philippine, *op.cit.*, hlm. 125.

⁷ Namun tentera Sepanyol dan pegawai kerajaan yang lain sentiasa berwaspada menghadapi sebarang ancaman besar-besaran. Ramon Blanco yang berfikiran liberal cuba memujuk dan meredakan keadaan dengan berjanji akan mengadakan pembaruan. Beliau berbutuh demikian memandangkan hanya 10,000 tentera Sepanyol yang berada di bawah kuasanya. Golongan anti sahaman liberal berhasrat tinggi untuk mengambil tindakan keras ke atas orang yang memulakan pemberontakan dan menentang polisi liberal Gabenor Blanco. Oleh sebab Blanco terlalu liberal beliau juga dituduh sebagai seorang mason oleh golongan paderi Sepanyol. Sila rujuk Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 228.

⁸ Ahli-ahli Katipunan bekerja dalam pusat percetakan milik orang Sepanyol. Wujud perselisihan antara mereka akibat perbezaan gaji yang diterima diantara mereka. Pada 19 Ogos 1896 seorang ahli Katipunan Teodoro Patino telah mendedahkan plot persatuan kepada Father Gil, mengenai rancangan untuk membunuh semua orang Sepanyol yang tinggal di Filipina. Pada hari itu Father Gil telah pergi ke tempat percetakan "Diaro de Manila". Di situ dia berjaya mendapat bukti kewujudan persatuan Katipunan. Sila rujuk Exhibit 9, Report Upon the Insurrection Against Spain by Olegario Diaz, dalam P.I.R. (N. P.).

menangkap semua ahli Katipunan.⁹ Dalam masa 15 hari setelah penemuan Katipunan, tidak kurang daripada 500 ahli telah berjaya ditangkap dan dipenjarakan.

Orang Sepanyol juga bertindak untuk menangkap beratus-ratus orang yang tidak bersalah. Sesiapa yang disyaki sebagai *Filibuster* ditangkap dan dibunuh serta merta.¹⁰ Paderi tempatan yang disyaki bersuhabat diseksa oleh pengawal keselamatan. Dianggarkan hampir 800 orang Filipina telah dibunuh dalam masa sebulan di Manila.¹¹ Peristiwa pembunuhan ini menimbulkan kemarahan di kalangan orang Filipina khasnya kepada Bonifacio dan ahli-ahli Katipunan sehingga perasaan mereka dicetuskan dalam suatu tangisan.

4.2 Cry of Balintawak (Tangisan Balintawak)

Usaha-usaha yang diambil oleh pihak Sepanyol untuk membanteras dan melemahkan Katipunan, langsung tidak mematahkan semangat pejuang, malah memberi azam untuk terus menentang Sepanyol. Kini Katipunan tidak lagi bersifat rahsia; ia bersedia untuk berjuang secara terbuka untuk mendapatkan kemerdekaan. Bonifacio menukar wajah organisasi Katipunan kepada kumpulan pejuang iaitu telah bersedia untuk melancarkan revolusi.

⁹ Blanco mengeluarkan arahan serta merta untuk menubuhkan Battallion de Leales Voluntarios de Manila. Beliau mengarahkan perlaksanaan undang-undang tentera (martial law) di lapan provinsi Luzon tengah, iaitu melibatkan kawasan Manila, Tarlac, Laguna, Cavite, Batangas, Bulacan, Nueva Ecija, dan Pampanga. Sila rujuk Eufronio M. Alip, Political and Cultural History of Philippine, *op.cit.*, hlm. 127.

¹⁰ Orang ramai yang rasa tidak senang dengan kejadian ini, bertindak meninggalkan rumah dan lari ke kawasan pergunungan untuk mengelakkan daripada dipenjara. Sila rujuk Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 229.

¹¹ Ibid.

Pada 26 Ogos Bonifacio dan Jacinto telah mengadakan suatu perjumpaan dengan ahli-ahli Katipunan di Balintawak, Caloocan (Provinsi Rizal). Majoriti daripada mereka menyokong revolusi diadakan serta-merta. Mereka juga telah mengambil sumpah agar tidak mendedahkan identiti dan sebagai tamatnya hubungan dengan Sepanyol, mereka mengoyakkan sijil pengenalan diri (personal cedula) sambil melaungkan kemerdekaan Filipina.¹² Mereka bersetuju mengadakan revolusi tiga hari selepas perjumpaan iaitu pada 29 Ogos 1896. Peristiwa ini yang dikenali sebagai “*Cry of Balintawak*” bukanlah pertempuran antara pihak kerajaan dan golongan revolucioner tetapi adalah suatu keputusan yang diambil untuk menjatuhkan pemerintahan Sepanyol.¹³ Dengan Peristiwa “Tangisan Balintawak” kini perjuangan mereka tidak lagi secara rahsia tetapi berubah menjadi penentangan terbuka terhadap penjajah Sepanyol. Ini menunjukkan keberanian mereka menolak rejim Sepanyol di Filipina. Bermatlamatkan kebebasan *motherland*, Bonifacio telah melancarkan kempen secara besar-besaran untuk mengelakkan ancaman Sepanyol.

Golongan *ilustrado* seelok-eloknya mahu mengelakkan revolusi tetapi golongan massa berfikir sebaliknya. Mereka tidak peduli dengan senjata yang dimiliki oleh Sepanyol yang lebih canggih. Tetapi golongan *bayani* sudah bersedia untuk bertempur dengan menggunakan *bolo*¹⁴ atau jika boleh dengan bertumbuk.¹⁵ Sebagai langkah pertama Bonifacio menasihatkan ahli Katipunan agar mengumpulkan sebanyak mungkin senjata atau membuat *bolo* dan seterusnya mengedarkan kepada semua Katipunero.¹⁶ Seterusnya beberapa orang dilantik sebagai ketua perancang revolusi.¹⁷ Walaupun pemimpin-

¹² Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 61.

¹³ Eufronio M. Alip, *Political and Cultural History of Philippine*, *op.cit.*, hlm. 128.

¹⁴ *Bolo* – senjata tajam yang dibuat daripada buluh dan parang atau pisau.

¹⁵ Rodolfo G. Tupas, *op.cit.*, hlm. 15.

¹⁶ Bonifacio juga meminta ahli Katipunan yang bekerja di kilang membuat senjata untuk mencuri senapang dan pistol. Sila rujuk Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 167.

¹⁷ Arguedo del Rosario, Ramon Bernardo, Vicente Fernandez, dan Gregorio Coronel dilantik sebagai brigadier general. Empat dilantik untuk mengatur taktik dan strategi untuk memasuki Manila. Dan empat orang komander dilantik untuk menyerang Manila. Sila rujuk Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, Vol. I, *op.cit.*, hlm. 226.

pemimpin Katipunan mengatur strategi, mereka sebenarnya tiada pengalaman langsung dalam bidang ketenteraan atau dalam revolusi atau peperangan. Ahli-ahli Katipunan mempunyai semangat dan keberanian yang tinggi tetapi malangnya tiada pengalaman dalam bidang ketenteraan.

“Moreover, it is clear that the Katipunan functioned well as a secret society, but it was not organized as a fighting force, and the initial actions in the Revolution produced heroic acts rather than military victory. This is clearly shown in what should have been the Katipunan taking of Manila.”¹⁸

Sebuah pertubuhan berbentuk militan seharusnya mempunyai ahli-ahli yang telah menjalani latihan ketenteraan dan selok-belok peperangan dari segi penggunaan senjata dan strategi peperangan. Perkara ini tidak kelihatan dalam pertubuhan Katipunan. Selain ketiadaan latihan ketenteraan yang sempurna mereka juga berbekalkan senjata-senjata tradisional sahaja. Namun kesediaan mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam revolusi adalah sesuatu yang amat mengagumkan. Apakah yang mendorong penglibatan mereka dalam revolusi tersebut? Semangat heroisme dan patriotisme yang tidak terhingga adalah satu-satunya faktor yang membawa kepada keadaan ini. Berbekalkan semangat ini golongan *bayani* mengatur langkah untuk memerangi musuh yang jauh lebih kuat daripada mereka.

Bonifacio sedar akan kelemahan mereka dari segi pengalaman dalam ketenteraan tetapi tidak pernah patah semangat. Malah beliau terus memberikan semangat kepada ahli-ahli Katipunan untuk menghadapi musuh dalam medan pertempuran. Dengan itu pada 28 Ogos 1896, Bonifacio mengeluarkan manifesto¹⁹ kepada ahli-ahli Katipunan.²⁰ Dalam

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Sila rujuk Lampiran IV.

²⁰ Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 64.

manifesto itu Bonifacio menjelaskan bahawa penyeksaan, penindasan dan kesengsaraan yang dialami selama ini di bawah penjajahan Sepanyol adalah sebab mereka harus bersedia untuk pelancaran revolusi pada 29 Ogos 1896. Bonifacio juga mengugut akan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang belot daripada matlamat asal. Dengan manifesto ini jelas, Bonifacio membangkitkan semangat untuk berjuang di kalangan rakyat untuk bertempur dengan musuh.

4.3 Pertempuran Awal


Ketidakpuashati penduduk tempatan telah mencapai ke tahap yang tidak boleh dibendung lagi. Sebuah revolusi secara besar-besaran berlaku. Cetusan rasa kemarahan terhadap pihak Sepanyol telah dimanifestasikan melalui beberapa pertempuran yang berlaku pada tahun 1896. Pertempuran pertama yang sebenar antara golongan revolusi dan tentera kerajaan berlaku di San Juan del Monte (Pinaglabanan). Tentera revolusi di bawah arahan Bonifacio dan Jacinto, mengalami kekalahan dan terpaksa berundur ke Balara. Walau bagaimanapun, pemberontakan tercetus di Santa Mesa, San Pedro Makati, Kalookan, Balik-Balik, Pasig, Peteros, Taguig, San Juan del Monte dan Manila. Di provinsi Cavite, pemberontakan bermula di bandar-bandar San Francisco de Malabon, Kawit dan Noveleta.²¹

Gabenor Blanco pula menghantar komander-komander ke wilayah yang berlainan untuk mematahkan revolusi.²² Kebanyakkan pertempuran pada peringkat awal dimenangi oleh pihak Sepanyol. Ini kerana, pada permulaan revolusi, para revolucioner tidak

²¹ Eufronio M. Alip, Political and Cultural History of Philippine, *op.cit.*, him. 128.

²² Colonel Pintos telah dihantar ke Caloocan; Lieutenant Colonel Tagore ke San Mateo, San Juan dan Mandaluyon; manakala Jeneral Echalee dan pegawaiannya ditempatkan berhampiran kolam air di San Juan. *Ibid.*

Peta 2 : Selatan Luzon Tengah



mempunyai kelengkapan senjata yang canggih. Senjata-senjata yang digunakan tidak setanding dengan apa yang digunakan oleh rejim Sepanyol. Di antaranya ialah *bolo*, tombak, kerambit dan beberapa pistol. Hanya pada peringkat akhir revolusi, bilangan senjata dan senapang meningkat.

Jangka masa dari bulan Ogos hingga September adalah bulan yang dipenuhi dengan keganasan dan ketakutan. Pelbagai langkah yang kejam diambil oleh Blanco untuk menamatkan revolusi. Bilangan banduan terus meningkat setiap hari.²³ Penangkapan secara sewenang-wenang, menggeledah masuk rumah ke rumah, pengurungan, penyiksaan dan pembunuhan menjadi perkara biasa dan kerap berlaku. Melalui operasi besar-besaran dan pemerintahan kejam seperti ini kerajaan Sepanyol berharap dapat menamatkan pemberontakan. Tetapi semua harapan Blanco tidak menjadi kenyataan kerana pertempuran terus merebak ke provinsi-provinsi lain. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai kekejaman di tangan pegawai-pegawai Sepanyol, semangat patriotik yang mencengkam sanubari rakyat Filipina mendorong mereka bersatu mempertahankan matlamat mereka. Ahli-ahli Katipunan meneruskan merancang strategi-strategi yang lebih sesuai untuk menghadapi musuh mereka.²⁴

Penglibatan wanita dalam revolusi memburukkan lagi keadaan bagi pihak Sepanyol. Kebanyakkan kaum wanita berkhidmat merawat pejuang-pejuang yang tercedera. Misalnya

²³ Pada 12 September, 13 orang pejuang terbunuh di Cavite dan mereka diperingati sebagai “*Los Trece Martires de Cavete*”. Rujuk Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 171.

²⁴ Di samping Bonifacio dan Jacinto juga terdapat pemimpin-pemimpin lain yang berkaliber seperti Emilio Aguinaldo, Macario Sakay, Faustino Guillermo, Apolinario Samson, Luciano, Francisco de los Santos, Miguel Malvar, Paciano Rizal dan ramai lagi. Mereka ini telah mengatur perancangan untuk menghadapi penjajah dalam medan pertempuran. Sila rujuk Eufonio M. Alip, *Political and Cultural History of Philippine*, *op.cit.*, hlm. 129.

Josephine Bracken²⁵ telah menjadi sumber inspirasi kepada para pejuang. Melchora Aquino atau dalam sejarah Katipunan lebih dikenali dengan nama “*Tandang Sora*” telah memberi perlindungan, makanan dan segala keselesaan di dalam kemampuan beliau kepada para revolucioner.²⁶ Selain itu, Trinidad Tecson atau lebih dikenali sebagai “Mother of Biak-na-bato” menyertai revolusi sebagai seorang pejuang di sisi lelaki dan berkhidmat sebagai jururawat di hospital Biak-na-bato. Situasi ini tidak diduga oleh pihak penjajah. Namun, kekejaman mereka tidak berkurangan. Kaum wanita ini menghadapi nasib sama dengan pejuang-pejuang yang lain. Misalnya, Tandang Sora dibuang negeri ke Marianas.²⁷

Polisi kekejaman Blanco tidak memberikan sebarang kesan dalam menamatkan pertempuran. Pertempuran di wilayah-wilayah lain terus merebak tanpa sebarang tanda-tanda untuk tamat. Di kedua-dua pihak Sepanyol dan Filipina, ramai yang terkorban. Bilangan tentera di pihak Sepanyol yang sedikit juga menyukarkan pihak Sepanyol dalam pertempuran kerana pada masa itu ramai tenteranya terlibat dalam perperangan di Cuba. Gabenor Blanco cuba membenarkan polisi kesederhanaan (moderation policy) di Filipina dengan harapan dapat kembali kepada keadaan asal.²⁸ Dengan itu surat pekeliling dikeluarkan kepada ketua provinsi dan municipality. Dengan itu Blanco membuat pertimbangan yang teliti sebelum menahan sesiapa. Hanya mereka yang benar-benar terlibat dalam pemberontakan sahaja ditangkap dan disiasat. Namun polisi kesederhanaan ini gagal untuk menamatkan perjuangan orang Filipina kerana Revolusi terus merebak

²⁵ Balu kepada Jose Rizal.

²⁶ Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 25.

²⁷ Eufronio M. Alip, *Political and Cultural History of Philippine*, *op.cit.*, hlm. 216.

²⁸ Gabenor Blanco mengeluarkan surat pekeliling kepada semua ketua provinsi dan municipality agar menjalankan polisi kesederhanaan.

tanpa dapat dikawal lagi.²⁹ Walaupun terdapat segelintir pemberontak menyerah diri tetapi mereka tidak menyerahkan senjata.³⁰

Kelemahan Blanco mengawal keadaan menyebabkan beliau dikecam hebat dan diminta berundur dari kuasa oleh pihak konservatif, golongan paderi dan orang Sepanyol dan sebilangan orang kaya Filipina. Mereka menuduh beliau sebagai pentadbir yang lemah dan tidak mampu. Mereka menghantar surat bantahan rasmi ke Madrid. Dengan itu, kerajaan Madrid menggantikan Blanco dengan Jeneral Camilo Polavieja.³¹ Ketibaan Jeneral Polavieja telah membawa kepada peristiwa pembunuhan Jose Rizal.

4.4 Peristiwa Pembunuhan Rizal

Dalam usaha membanteras gerakan revolusi yang semakin menular, Polavieja telah memperkenalkan polisi “blood and iron”. Berdasarkan polisi ini, sesiapa yang didapati belot terhadap Sepanyol tidak akan diberi pengampunan langsung. Sebuah mahkamah tentera kekal diwujudkan untuk mengadili para pejuang. Lantaran daripada polisi ini ramai pejuang yang berada dalam tahanan ditembak mati. Pada masa ini juga, Rizal ditahan kerana dituduh sebagai punca kepada berlakunya revolusi di Filipina. Dengan itu, pada 30 Disember 1896 Rizal ditembak mati dikhlayak ramai di Bagumbayan.³² Di samping Rizal ramai lagi pemimpin penting di bunuh di bawah pentadbiran Polavieja.³³ Orang Filipina

²⁹ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, *op.cit.*, hlm. 167.

³⁰ Surat Konsul G. de Berard kepada Menteri Luar Perancis, bertarikh 31 Januari 1897, dipetik daripada *French Consular Dispatches on the Philippine Revolution*, (terjemahan oleh Ma. Luisa T. Camagay), Quezon City : University of the Philippines Press, 1997, hlm. 14.

³¹ Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 34.

³² Surat Konsul G. de Berard kepada Menteri Luar Perancis, bertarikh 31 Januari 1897, *op.cit.*, hlm. 10.

³³ Pada 4 Januari 1897, sebelas pejuang yang dikenali sebagai “Bicol Martyrs” ditembak mati. Selepas seminggu beberapa pemimpin penting dibunuh antaranya ialah Jose Dizon, Moises Salvador, Franstino Villaruel dan Domingo Franco. Dalam masa sebulan sahaja dianggarkan tidak kurang daripada seribu orang dihukum bunuh oleh Sepanyol. Sebagai pemimpin tentera, Polavieja jauh lebih hebat daripada Blanco. Ketibaan angkatan baru antara bulan November hingga Disember dari Sepanyol menjadi lebih ofensif di bawah kepimpinan Polavieja. Rujuk Eufronio M. Alip, *Political and Cultural History of Philippine*, *op.cit.*, hlm. 132.

cukup marah dengan pembunuhan pemimpin yang disanjung dan disayangi oleh mereka selama ini. Pembunuhan Rizal dianggap suatu ketidakadilan dan kekejaman penjajah yang tidak dapat dimaafkan. Pembunuhan Rizal terus memberikan kekuatan kepada para pejuang untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Dengan peristiwa pembunuhan Rizal, pemberontakan secara besar-besaran berlaku di seluruh Filipina.³⁴

“The Revolution surged to greater fury after the execution of Rizal. His death gave greater strength to Filipino arms. The patriots fought harder to avenge him and to fulfill his cherished dream of Filipino freedom.”³⁵

Pembunuhan seorang rakyat tempatan yang telah lahir dan dibesarkan di Filipina telah benar-benar menyentuh hati penduduk Filipina. Rizal mungkin berada di luar negara untuk jangka waktu agak lama tetapi fikiran dan perasaannya hanyalah tertumpu kepada Filipina sahaja. Sumbangan beliau dan hukuman yang tidak berperikemanusiaan terhadapnya sudah semestinya menimbulkan kemarahan di kalangan penduduk Filipina. Peristiwa pembunuhan Rizal telah semakin menyemarakkan lagi semangat untuk terus bertindak agresif terhadap penjajah Sepanyol. Jelaslah di sini ketebalan semangat Filipina sebagai *motherland* di kalangan penduduk tempatan yang tidak puas hati dengan hukuman terhadap Rizal. Jelaslah kezaliman terhadap salah seorang daripada pemimpin mereka turut dirasai oleh penduduk tempatan. Maka tidak hairanlah sekiranya ahli-ahli Katipunan khasnya golongan *bayani* menjadi lebih agresif selepas pembunuhan Rizal.

Peperangan terus tercetus dalam wilayah Bulacan dan wilayah-wilayah lain.³⁶ Dalam kebanyakan tempat kemenangan memihak kepada Sepanyol. Selepas kemenangan

³⁴ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 240.

³⁵ Gregorio F. Zaide, *The Republic of Philippines*, Manila : Rex Book Store, 1963, hlm. 188.

³⁶ Peperangan juga berlaku di Kakarong de Sile, Bigaan, Baliwag, Quingwa, Polo, Hagonoy, Angat, San Miguel de Moyumo, Bustos dan wilayah-wilayah lain. Pertempuran juga berlaku di Laguna, Morong, Batangas, Tayabas, Bataan, Nueva Ecija dan Zambales. *Ibid.*

di Luzon Tengah, Polavieja mengarahkan angkatannya ke Cavite yang dikuasai oleh pihak revolucioner. Operasi penentangan dari pihak Sepanyol bermula di Cavite Viejo, Noveleta, Imus dan San Francisco de Malaban dan Santa Cruz. Pihak Sepanyol berjaya merampas bandar-bandar ini. Di kebanyakan kawasan, para pemberontak mengalami kekalahan teruk.

Revolusi yang telah dilancarkan oleh Bonifacio itu mula menampakkan tanda-tanda kegagalan. Sudah tentu semangat dan sifat patriotisme sahaja tidak memadai untuk mengalahkan musuh yang mempunyai kelebihan dari semua aspek. Semangat dan sifat sanggup berkorban penduduk tempatan tidak dapat menandingi senjata yang moden serta strategi pertahanan yang berkesan dari pihak Sepanyol. Hakikat yang nyata, walaupun bersemangat, bolehkah senjata tradisional seperti *bolo* menandingi senapang yang diguna oleh penjajah. Kegagalan ini menimbulkan tanda tanya apakah tindakan Bonifacio mengisyiharkan revolusi itu adalah satu tindakan yang rasional. Sejauhmanakah pula kebenaran Rizal apabila beliau menyatakan penduduk tempatan belum bersedia untuk melakukan satu tindakan yang sebegini luar biasa? Sekelip mata jelas kemenangan berpihak kepada pendapat Rizal. Bonifacio seolah-olah terlalu bergantung kepada semangat sebagai senjata utama untuk memerang musuh. Jelas, ini tidak memadai. Namun kita tidak boleh menyalahkan Bonifacio sepenuhnya atas kegagalan revolusi. Terbongkarnya rahsia revolusi banyak membantu pihak penjajah untuk melakukan tindakan awal menghapuskannya. Persoalannya di sini andainya revolusi yang dilancarkan itu tidak diketahui oleh pihak Sepanyol, keadaan mungkin berbeza. Apakah Bonifacio dan rakan-rakannya dapat mengalahkan musuh adalah satu perkara yang terlalu subjektif, namun apa yang pasti adalah mereka semestinya dapat memberikan saingan yang lebih sengit kepada pihak Sepanyol sekiranya rahsia mereka tidak terbongkar. Perkara ini perlu dipertimbangkan dalam menilai tindakan Bonifacio.

Ketika revolusi sedang giat berjalan kebolehan dan prestasi pemimpin telah menjadi penentu untuk penerusan kepimpinan Katipunan. Walaupun merupakan pelopor kepada revolusi, Bonifacio serta pasukannya tidak mencapai kejayaan di medan pertempuran. Misalnya pasukan Bonifacio mengalami kekalahan teruk di kawasan Luzon tengah dan Cavite serta lain-lain kawasan lagi. Kekalahan ini menjelaskan reputasi beliau sebagai pemimpin.

Ketika Bonifacio dan pasukannya menghadapi kegagalan, muncul pula satu kumpulan yang telah mencapai prestasi yang begitu menyakinkan. Malah kejayaan mereka merupakan satu sebab revolusi itu diteruskan untuk satu jangka masa yang lebih panjang. Tokoh yang mengetuai kumpulan ini ialah Emilio Aguinaldo. Kejayaan beliau menjadi asas untuk beliau mendapat pengikut yang ramai dan menerajui perjuangan menentang Sepanyol selepas itu. Dengan kata lain, Aguinaldo telah menggunakan pengaruh beliau untuk mencabar Bonifacio, seterusnya mengambil alih tanggungjawab membebaskan orang Filipina dari cengkaman penjajah.

4.5 Kemunculan Emilio Aguinaldo Dan Krisis Kepimpinan

Pada Oktober 1896, Emilio Aguinaldo³⁷ dilantik sebagai komandan tentera pemberontakan di wilayah Cavite. Aguinaldo adalah seorang nasionalis yang bersemangat sejak muda lagi. Beliau lahir ketika kekejaman Sepanyol berleluasa. Aguinaldo adalah salah seorang daripada kelas anak-anak muda di wilayah-wilayah Filipina yang digelar oleh Sepanyol sebagai *Filibuster*³⁸ atau pengkhianat tanah air.³⁹ Secara umum *filibuster* bermaksud golongan yang dianggap sebagai revolusioner.

Mungkin bagi pihak Sepanyol, Aguinaldo dianggap sebagai *filibuster*. Tetapi dari segi realiti beliau adalah seorang pemimpin yang cukup berwawasan dan berfikiran jauh. Beliau telah membawa Filipina ke tahap yang diidam-idamkan iaitu kemerdekaan. Sistem republik yang dibentuk adalah gambaran kerajaan yang dibentuk oleh Aguinaldo berdasarkan kehendak rakyat. Sebagai penyokong setia kepada Rizal, Aguinaldo meneruskan usaha penyebaran semangat nasionalisme seiring dengan amalan patriotik sezaman. Pada masa yang sama, dia berhasrat untuk memimpin mereka yang berminat untuk mengikut jejaknya berjuang menuntut kemerdekaan. Beliau juga seorang yang begitu arif dalam bidang ketenteraan⁴⁰ Aguinaldo juga popular di kalangan golongan massa kerana

³⁷ Emilio Aguinaldo anak kepada keluarga kelas pertengahan dari Cavite Viejo (Cavite Lama). Dilahirkan pada 22 Mac 1869. Ibubapanya adalah Carlos Aguinaldo dan Trinidad Famy. Pendidikan awal diterima di Kawit, dan kemudian ketika berumur 8 tahun belajar di San Juan de Letran College. Beliau tidak sempat menghabiskan Sarjana Muda Sastera kerana ayahnya telah meninggal dunia dan terpaksa pulang ke kampung untuk menguruskan ladang keluarga. Walaupun hanya mendapat pendidikan sekolah tinggi, beliau mempunyai keperibadian yang tinggi dan memiliki banyak kualiti baik. Ketika berumur 22 tahun beliau meninggalkan pertanian dan terlibat dalam bidang perdagangan. Pada 1 Januari 1896 beliau telah berkahwin dengan Hilaria del Rosario. Semasa berusia dua puluhan beliau menjadi orang penting di kalangan penduduknya. Aguinaldo mempunyai pengalaman sebagai guru, mason, ketua Katipunan di kampungnya dan pada tahun 1894 dipilih sebagai ketua perbandaran (gobenadorecillo). Di samping ciri-ciri kepimpinan semula jadi, beliau mempunyai daya penarikan tersendiri menyebabkan ramai menjadi pengikutnya. Beliau dikatakan memakai tangkal untuk menjauahkan diri daripada sebarang kuasa jahat. Ramai sarjana Filipina mempercayai pengamalan tangkal oleh Aguinaldo menjadi elemen utama kepada kekuasaannya. Dipercayai bahawa beliau akan kehilangan kepimpinan jika tidak ada kuasa supernatural pada dirinya. Keperibadian yang mulia dan personaliti yang menarik memberi tanggapan yang menggalakkan orang yang berhubung dan mendampinginya. Orang ramai mempunyai keyakinan tinggi terhadapnya.

³⁸ Menurut Jose Rizal, *filibuster* bermaksud seorang patriot berbahaya.

³⁹ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 236.

⁴⁰ *Ibid.*

fahaman nasionalistiknya dan yang lebih penting kepercayaan yang dipunyai terhadap orang tempatan.⁴¹ Keputusan beliau untuk memasuki tentera merupakan satu langkah yang telah menjadi penentu dalam perjuangan beliau. Minat beliau terhadap ketenteraan telah mendorong beliau untuk mengasuh dan membentuk penduduk Filipina menjadi kumpulan militan.

Jika Bonifacio telah membentuk masyarakat bercirikan heroisme, Aguinaldo pula telah maju setapak lagi dalam perkembangan nasionalisme di Filipina. Kalau tindakan Bonifacio dikatakan agresif, tindakan Aguinaldo pula adalah lebih agresif. Aguinaldo telah memberi tumpuan terhadap pembentukan kumpulan-kumpulan militan dimana aspek ketenteraan amat diberi tumpuan. Pendekatan yang diambil oleh Aguinaldo dalam memerangi musuh adalah lebih profesional. Latihan serta strategi peperangan adalah amat penting untuk memerangi suatu pertempuran dan Aguinaldo cukup sedar tentang hakikat ini. Beliau juga sedar semangat dan sifat patriotisme sahaja tidak cukup untuk memenangi sesuatu peperangan. Sebaliknya semangat itu harus disertakan dengan pegawai-pegawai yang berdisiplin, latihan ketenteraan yang baik serta mengetahui selok-belok peperangan dengan terperinci. Jika dibuat perbandingan antara kedua-dua tokoh tersebut jelaslah bahawa Aguinaldo telah menekankan peperangan yang lebih sistematik berbanding Bonifacio. Memandangkan beliau sendiri telah menerima latihan ketenteraan, maka tidak hairanlah jika bidang tersebut diberi tumpuan khusus oleh beliau. Perkara ini tidak begitu jelas semasa kepimpinan Bonifacio. Apa yang ditekankan hanyalah semangat patriotisme dan semangat cintakan *motherland* melalui penulisan-penulisan seperti sajak *Pagibig Sa Tinubuang Bayan* dan sebagainya.

⁴¹ Semasa revolusi, Aguinaldo merupakan tokoh utama yang menonjol dan disanjung oleh orang Filipina. Beliau sentiasa dikelilingi oleh orang-orang terpelajar. Sila rujuk Teodoro A. Agoncillo, The Revolutionists : Aguinaldo, Bonifacio, Jacinto, Manila : National Historical Commission , 1973, hlm. 8.

Aguinaldo menegaskan bahawa perjuangan kemerdekaan bukan hanya untuk orang Tagalog sahaja tetapi untuk semua penduduk yang tinggal di kepulauan di bawah penjajahan Sepanyol. Dalam program ketenteraan, ideanya ialah untuk menggabungkan unit-unit tentera Filipina di dalam satu unit yang kukuh. Aguinaldo memimpin generasi muda Filipina yang berhasrat untuk membebaskan diri daripada pemerintahan Sepanyol. Beliau percaya bahawa nasionalisme Filipina bergantung kepada kekuatannya.⁴² Pada 20 Oktober 1896, ahli-ahli Katipunan di wilayah Cavite mengumumkan deklarasi bahawa mereka akan berperang menentang Sepanyol.⁴³ Dalam rayuanya kepada umum untuk bersatu-padu, Aguinaldo menerima persetujuan bagi rancangannya untuk menggulingkan rejim Sepanyol. Demi *motherland* yang tercinta Aguinaldo telah mengambil keputusan untuk menukar strategi ke militari demi mencapai hasratnya.

Cavite yang merupakan tempat kelahiran Aguinaldo, menjadi pusat dalam rancangan revolucionari dan tidak seperti di kawasan lain di kepulauan, pihak Sepanyol menghadapi kesukaran dalam menamatkan aktiviti pemberontakan di sana.⁴⁴ Keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan negaranya menjadi matlamat utama Aguinaldo. Beliau mengemukakan manifesto yang dapat merayu masyarakatnya agar bangun dan mengangkat senjata, mengisyiharkan untuk mendapat kebebasan dan kemerdekaan Filipina serta mengakui kuasa kerajaan baru revolusi. Dia berkata :

“Citizens of the Philippines, we are no savage people; let us try to follow the example of the civilized nations of Europe and America; the time has come to shed the last drop of our blood to conquer our beloved liberty.”⁴⁵

⁴² Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 237.

⁴³ Exhibit 11g, *K.K.K. Declaration*, {terjemahan daripada Archivo del Bibliofilo Filipino} Vol. III, hlm. 294, dalam P.I.R. (N. P.).

⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 238.

⁴⁵ Exhibit 21., Proclamation Emilio Aguinaldo, To the Philippine People, Liberty, Equality and Fraternity, {terjemahan daripada El Katipunan El O Filibusterimo en Filipinas, oleh Jose M. del Castillo y Jimenez, 1897} dalam P.I.R. (N. P.).

Jelas cinta terhadap *motherland* memerlukan pengorbanan yang lebih besar. Dan perlu dibayar dengan titisan darah. Di sinilah sumbangan golongan revolusioner yang dipimpin oleh Aguinaldo.

Lanjutan daripada pengisytiharan Aguinaldo, para ketua pemberontak mengadakan kempen untuk kebebasan. Beribu-ribu orang memberi maklum balas untuk membantu walaupun mereka tidak pernah diterima sebagai ahli Katipunan. Kontjen tentera Filipina yang kuat dibentuk di bawah bimbingan Aguinaldo. Penduduk miskin bersedia menghadapi pertarungan hebat untuk mendapat kebebasan. Aguinaldo dan para pengikutnya berazam berjuang kemerdekaan sepenuh dan mereka sanggup menggadaikan nyawa mereka.

Salah seorang yang membantu Aguinaldo dalam revolusi ialah Apolinario Mabini.⁴⁶ Apolinario Mabini terkenal sebagai “*The Brains of the Revolution*”⁴⁷ dalam sejarah Filipina. Mabini menjadi penggerak revolusi Filipina dan telah menjustifikasi revolusi tersebut di mata dunia. Namun Mabini hanya terlibat aktif dalam revolusi pada peringkat kedua. Keengganannya pada peringkat pertama kerana bimbang revolusi tersebut tidak akan dapat sokongan rakyat kerana merasakan kekerasan tidak perlu pada masa itu untuk membawa pembaruan. Tetapi apabila revolusi makin memuncak beliau mengubah pendirian dan memperjuangkan kemerdekaan. Beliau terpegun dengan tindak balas yang ditunjukkan oleh rakyat terhadap revolusi.

⁴⁶ Mabini berasal dari keluarga miskin. Ibu bapanya ialah Inocencio dan Dionisia Maranan, dari Batangas. Mabini mendapat pendidikan awal di Tanawan di bawah bimbingan Simplicio Avelino. Kemudian berpindah ke sekolah yang dibimbing oleh ahli pendidikan terkenal, Father Valerio Malabanan. Kemudian melanjutkan pelajaran di San Juan de Letran Kolej dan seterusnya memasuki Universiti St. Tomas; beliau menerima ijazah undang-undang pada tahun 1894.

⁴⁷ Adriano C. Reyno, The Political, Social and Moral Philosophy of Apolinario Mabini, Manila : San Carlos Publications, 1964, hlm. 1.

Peranan Mabini dalam Revolusi Filipina dapat dibahagikan kepada 3 aspek. Pertama, sebagai seorang “*ilustrado*” beliau menggunakan kedudukan ini untuk menyebarkan idea-idea liberal dan demokratik kepada pihak massa. Perlu diingat beliau mengasingkan diri daripada golongan kaya yang lain kerana beranggapan mereka hanya mementingkan keuntungan. Kedua, sebagai ahli falsafah politik beliau melihat beberapa kejadian pada era tersebut telah berusaha untuk merangka beberapa prinsip politik sebagai pembimbing kepada masyarakat dalam revolusi tersebut. Prinsip pemikiran beliau mementingkan beberapa matlamat moral (moral ends). Ia boleh dicapai melalui sifat-sifat semula jadi dan pendidikan. Namun sumbangan Mabini dari falsafah politik yang paling penting adalah mengemukakan teori revolusi.⁴⁸ Ketiga, adalah sebagai seorang yang terlibat aktif dalam peristiwa dari tahun 1898 sehingga kejatuhan Republik Malolos. Beliau digelar sebagai “*Black Chancellor*” atau penasihat kepada Aguinaldo dan seterusnya menjadi Perdana Menteri yang pertama dalam republik tersebut.⁴⁹ Beliau juga telah mengawal hal ehwal luar dan telah merangka kebanyakkan daripada dikri dan proklomasikan yang dikemukakan oleh Aguinaldo. Dalam sejarah revolusi Filipina peranan Aguinaldo dan Mabini adalah saling bergantung.

Kesungguhan dan kesetiaan Aguinaldo untuk membebaskan *motherland* Filipina daripada belenggu penjajahan dan di sertai dengan penglibatan Mabini dalam revolusi telah mendorong orang-orang Filipina untuk bersatu dan menyokong kepimpinan Aguinaldo.⁵⁰ Pada masa inilah, Bonifacio yang kurang kepimpinan dalam ketenteraan, diatasi oleh Aguinaldo untuk berada dalam kedudukan tertinggi. Kebolehan Aguinaldo dalam mengatur

⁴⁸ A.V.H. Hartendorp, *Mabini The Sources of His Political Thought*, Manila : Alberto S. Florentino Publisher, 1965, hlm. 2.

⁴⁹ *Ibid*, hlm. 4

⁵⁰ Aguinaldo juga mendapat sokongan padu orang Filipina ekoran daripada insiden pembunuhan 800 orang Filipina di Manila pada November 1896. Keadaan ini menyemarakkan perasaan marah orang Filipina dan mereka bersatu-padu dan menjunjung bendera Katipunan dengan tujuan untuk menggulingkan Sepanyol. Sejak itu paderi tempatan dilantik sebagai presiden dalam persatuan; sementara itu kerajaan revolusioneri diketuai oleh Aguinaldo telah ditubuh.

strategi dan kemahiran dalam bidang ketenteraan dapat membantu dalam pemberontakan. Selain itu, beliau menggunakan pengaruhnya sebagai *gobenordacillo* untuk merekrut ahli-ahli untuk menyertai revolusi. Walaupun kewujudan Katipunan telah dikesan oleh Sepanyol, Aguinaldo terus merekrut ahli tanpa mengira waktu siang atau malam.⁵¹ Aguinaldo berpendapat ahli-ahli Katipunan mesti diberi latihan ketenteraan manakala Bonifacio pula beranggapan sesiapa saja boleh menjadi tentera. Keadaan ini seterusnya telah membawa kepada krisis dalam Katipunan dan pertelingkahan dalam keahlian.

4.6 Persaingan Antara Kumpulan *Magdiwang* dan *Magdalo*

Walau bagaimanapun matlamat revolusi tergugat akibat wujud perpecahan dalam perpaduan rakyat Filipina. Wujud persaingan antara kumpulan yang menyokong Bonifacio iaitu *Magdiwang* dan kumpulan yang menyokong Aguinaldo iaitu *Magdalo* yang kebanyakannya berpendidikan tinggi. Persaingan antara pemimpin revolusi ini terus melemahkan pengaruh Bonifacio yang mendapat sokongan golongan massa dan menaikkan martabat Aguinaldo yang mendapat sokongan golongan *ilustrado*. Menurut Renato Constantino, persaingan ini adalah akibat penyusupan masuk golongan *ilustrado* ke dalam revolusi untuk mendapatkan pengaruh dan kuasa. Perpecahan dalam kumpulan *Magdalo* dan *Magdiwang* boleh dikatakan menjadi titik tolak dalam peralihan kuasa dari golongan massa kepada golongan *ilustrado*.

⁵¹ P.A. Zapanta, "Aguinaldo's Military Campaign", dalam The Sunday Times Magazine, bertarikh 15 Jun 1969, Manila, 1969, hlm. 19.

Perpecahan dalam kumpulan ini juga telah memberikan peluang kepada Sepanyol untuk memperoleh kemenangan di wilayah Cavite di bawah pimpinan Gabenor Polavieja. Kumpulan *Magdalo* dipimpin oleh Baldemero Aguinaldo (saudara sepupu Emilio Aguinaldo) beribu pejabat di Kawit. *Magdiwang* dipimpin oleh Mariano Alvarez dan berpusat di Noveleta. Mereka bertanggungjawab untuk merancang kempen dengan sistematik di wilayah masing-masing. Tetapi semua rancangan dan strategi mereka menemui jalan buntu. Ini menyebabkan hilang kerjasama antara satu sama lain, dan melahirkan perasaan cemburu antara satu sama lain.⁵² Pada masa yang sama, pengaruh Aguinaldo mengatasi kewibawaan Bonifacio. Aguinaldo berjaya membawa masuk saudara mara dan rakan-rakannya ke dalam barisan perjuangan. Keadaan ini menyebabkan Bonifacio berasa cemburu terhadap kepopularan Aguinaldo. Perasaan cemburu dan hasad dengki melemahkan perpaduan di kalangan para pejuang.⁵³ Dua tokoh utama cuba menonjolkan diri sebagai peneraju nasionalisme, masing-masing mendapat sokongan yang tersendiri dan berpendirian bahawa kebenaran adalah di pihak mereka. Apabila sifat sebegini sudah menebal, soal lain juga diungkitkan seperti latar belakang tokoh, taraf pendidikannya, kepimpinan dan sumbangan yang diberikan serta pengaruh yang dimiliki. Dengan keadaan sebegini, sememangnya sukar untuk mencari jalan penyelesaian. Krisis inilah yang melanda Katipunan yang memperlihatkan persaingan antara Bonifacio dan Aguinaldo yang seterusnya menjelaskan prestasi pertubuhan tersebut dalam revolusi yang telahpun dilancarkan.

Kemuncak permusuhan dan keretakan di dalam pertubuhan Katipunan adalah perselisihan pendapat di antara Aguinaldo dan Bonifacio. Aguinaldo bercita-cita

⁵² Eufronio M. Alip, Political and Cultural History of Philippine, op.cit., hlm. 133.

⁵³ Figuracion Melanio Seduripa, op.cit., hlm. 243.

menubuhkan sebuah kerajaan revolusioner bagi menggantikan Katipunan kerana beliau berpendapat Katipunan adalah cuma sebuah persatuan rahsia dan pertubuhan propaganda. Aguinaldo cuba membangkitkan semangat untuk melahirkan sifat *filibuster* dalam diri orang Filipina. Golongan *filibuster* yang bersifat revolusioner yang cuba dibentuk oleh Aguinaldo ini menjadi musuh kepada pihak Sepanyol. Dengan ini tidak ada harapan untuk membentuk sebuah kerajaan yang mempunyai perkaitan dengan Sepanyol. Aguinaldo berpendapat satu cara penyelesaian terbaik adalah melalui pembentukan sebuah kerajaan revolusi. Berbeza dengan Bonifacio, Aguinaldo mempunyai hasrat untuk membina sebuah kerajaan sedangkan Bonifacio hanya bermatlamat untuk menghalau Sepanyol. Dengan itu pada 31 Oktober 1896 Aguinaldo mengeluarkan satu manifesto yang mencadangkan penubuhan sebuah kerajaan revolusioner.⁵⁴ Kumpulan *Magdalo* memberikan sokongan penuh kepada rancangan ini, sebaliknya Bonifacio berpendapat bahawa penubuhan sebuah kerajaan revolucionari adalah tidak munasabah. Bagi Bonifacio, Katipunan adalah kerajaan revolucionari dan ia tidak seharusnya diketepikan sebagai sebuah pertubuhan propaganda sahaja. Keadaan ini telah membawa kepada persaingan antara dua kaunsil provinsi *Magdalo* dan *Magdiwang* dan persiapan sedang dilakukan untuk menggantikan Bonifacio dengan Aguinaldo.

⁵⁴ Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 37.

Pada 31 Disember 1896 persidangan diadakan di Imus, Cavite. Sebuah rancangan penyusunan semula telah dibentangkan oleh Edilberto Evangelista⁵⁵, Severino de las Alas dan Teodoro Gonzales. Isu yang dibangkitkan adalah sama ada kerajaan revolusioner diterajui oleh Katipunan atau oleh sebuah kerajaan yang baru. Dengan ini wujud percanggahan pendapat. Bonifacio dan pengikutnya dari kaunsil *Magdiwang* mahu meneruskan kerajaan di bawah Katipunan dengan alasan seperti berikut :

“had its own constitution, duly discussed and approved; and that by virtue of that constitution, provincial governments had been established around Manila; that the mission of the Katipunan was to secure the liberty of the country, and therefore this constitution and its rule should continue until the longed-for liberty of the country was secured.”⁵⁶

Manakala kumpulan *Magdalo* tidak bersetuju dengan pandangan *Magdiwang* dan lebih setuju penuhnya sebuah kerajaan baru mengikut manifesto Aguinaldo.

Walaupun persidangan ini berakhir tanpa sebarang kata putus, perhimpunan Imus tersebut telah merangka rancangan penyusunan semula persatuan Katipunan. Badan ketenteraan dibentuk berfungsi sebagai merangka taktik peperangan cekap untuk revolusi yang akan datang. Aguinaldo telah diiktiraf sebagai *supremo* dengan gelaran “*commander in Chief*”. Aguinaldo juga sentiasa mengingatkan penduduknya mengenai memori Rizal sebagai perintis dalam penyatuan dan kemerdekaan Filipina. Beliau mengumumkan :

“We all invoke the name of the greatest patriot our country has seen, certain in the hope that his spirit will be with us and guide us to victory, our immortal Jose Rizal.”⁵⁷

Aguinaldo merayu orang Filipina bersatu di bawah bendera revolusi dengan slogannya kebebasan, persamaan, dan persaudaraan. Matlamat terakhir Aguinaldo adalah

⁵⁵ seorang jurutera dari kumpulan *Magdalo*.

⁵⁶ Eufronio M. Alip, Political and Cultural History of Philippine, op.cit., hlm. 135.

⁵⁷ Figuracion Melanio Seduripa, op.cit., hlm. 241.

membentuk masyarakat berdasarkan prinsip kebebasan.⁵⁸ Kejayaan besar yang dicapai Aguinaldo ialah kemenangan ke atas Cavite, di mana hampir menyingkirkan orang Sepanyol di situ. Wilayah itu menjadi kubu pemberontakan yang kukuh. Gabenor Polavieja mengumumkan langkah drastik terhadap sesiapa yang mencabar kekuasaan Sepanyol.

Bonifacio tidak puas hati dengan kemenangan Aguinaldo dan menunjukkan reaksi penentangan secara terbuka. Pada 22 Mac 1897 sebuah lagi persidangan diadakan di Tejeros berhampiran San Francisco de Malaban.⁵⁹ Permusuhan antara Aguinaldo dan Bonifacio sangat jelas kelihatan selepas Perhimpunan Tejeros. Persoalan pokok adalah masih mengenai penubuhan sebuah kerajaan revolucioner. Pada masa ini, Bonifacio telah berjanji akan menghormati keputusan majoriti. Bonifacio menyangka bahawa dalam pilihan raya yang bakal diadakan untuk memilih presiden, beliau akan memperoleh undi majoriti secara automatik. Walau bagaimanapun, keadaan sebaliknya berlaku. Keputusan pilihan raya telah diumumkan dan kemenangan berpihak kepada Emilio Aguinaldo sebagai presiden kerajaan revolucioner yang bakal ditubuhkan. Ahli-ahli yang dipilih ialah Emilio Aguinaldo sebagai Presiden, Mariano Trias sebagai Naib Presiden, Artemio Ricarte sebagai Kapten Jeneral, Emilio Rieogo de Dios sebagai Pengarah Peperangan dan Andres Bonifacio sebagai Pengarah Hal Ehwal Dalaman.⁶⁰

Keputusan ini menjadi suatu tamparan hebat kepada Bonifacio. Beliau tidak menyangka bahawa suatu keadaan sebegini boleh berlaku. Memburukkan keadaan ialah Daniel Tirona,⁶¹ seorang pengikut *Magdalo* telah membangkang perlantikan Bonifacio

⁵⁸ Perlu diingat slogan ini diguna dalam Revolusi Peranchis. Jelas keinginan Aguinaldo untuk mempelopori golongan *filibuster* untuk menjatuhkan penjajah dan membentuk *motherland* sendiri.

⁵⁹ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 178.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Daniel Tirona adalah seorang peguam dari kelas *ilustrado* yang menyokong kumpulan *Magdalo*.

sebagai Pengarah Hal Ehwal Dalaman (Director of the Interior). Tirona berpendapat bahawa Bonifacio bukan seorang peguam dan oleh itu dia tidak layak untuk menyandang jawatan tersebut. Malah beliau telah mengesyorkan Jose del Rosario sebagai calon yang lebih sesuai memegang jawatan Pengarah Hal Ehwal Dalaman. Bantahan Tirona telah menimbulkan kemarahan Bonifacio. Beliau bertindak dengan meninggalkan mesyuarat dan diikuti oleh pengikut-pengikutnya. Constantino berpendapat bahawa isu ini timbul akibat sindrom *ilustrado* yang mula menular di kalangan para pejuang. Menurutnya :

“A fundamental factor underlying the power play at Tejeros may be deduced from Tirona’s attack on Bonifacio for the latter’s lack of education. It pointed up the typical *ilustrado* belief that leadership should be the exclusive prerogative of the educated.”⁶²

Jelaslah bahawa kumpulan *ilustrado* meletakkan pencapaian pendidikan menjadi asas kepada pemilihan seorang pemimpin. Pendapat ini boleh diterima. Tetapi bagaimana pula jika seseorang itu mempunyai sifat kepimpinan yang begitu baik sehingga kerendahan taraf pendidikannya tidak menjadi batu penghalang untuk menjalankan tugasnya? Hal inilah yang menimpa Bonifacio yang menjadi sasaran golongan *ilustrado* kerana taraf pendidikan yang rendah. Sedangkan dari segi kepimpinan kebolehan beliau amat terpuji.

Bonifacio ternyata tidak berpuas hati dengan perhimpunan Tejeros tersebut. Dengan itu, pada keesokan hari Bonifacio berserta dengan 45 orang pengikutnya telah bertemu sekali lagi di Tejeros.⁶³ Di dalam pertemuan yang berlangsung, mereka telah mendakwa bahawa pertemuan awal itu adalah tidak sah. Persetujuan juga telah diambil untuk memutuskan segala hubungan dengan kerajaan yang baru ditubuhkan.

⁶² Renato Constantino : *The Philippines : A Past Revisited*, hlm. 180.

⁶³ Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 110.

Walaupun mengalami konflik kepimpinan, Aguinaldo tidak pernah lemah semangat dan terus melancarkan pemberontakan pada April 1897 di Cavite, walaupun menghadapi masalah kekurangan senjata.⁶⁴ Revolusi di bawah Aguinaldo benar-benar mencabar kekuatan tentera Sepanyol. Suatu peristiwa yang memerlukan berlaku pada masa itu ialah apabila tentera Sepanyol panik dengan kekuatan tentera Aguinaldo dan akhirnya bercadang untuk menyerah kalah. Tentera Sepanyol di bawah pimpinan Jeneral Ernesto de Aquirre telah berundur dan meninggalkan jauh ke belakang daripada Aguinaldo. Ini merupakan suatu kejayaan yang hebat bagi Aguinaldo dalam revolusi dan kemasyhuran sebagai komander tentera meningkat.⁶⁵

Ketika berjuang menghadapi revolusi di Filipina, pada waktu yang sama pihak Sepanyol juga terlibat dalam pemberontakan di Cuba. Keadaan ini melemahkan lagi pihak Sepanyol di Filipina kerana ramai tenteranya direkrut ke situ.⁶⁶ Sungguhpun tentera Sepanyol di Filipina mengalami beberapa kekalahan, namun pemberontakan terus berlaku di merata tempat tanpa henti. Polavieja yang berada dalam keadaan tertekan, telah mengambil keputusan untuk bersara apabila kerajaan Sepanyol gagal menunaikan permintaannya untuk menghantar lebih banyak tentera ke Filipina.⁶⁷ Pada 15 April 1897, Polavieja telah pulang ke Sepanyol.⁶⁸

Di samping bertarung dengan pihak Sepanyol, Aguinaldo juga telah cuba berdiplomasi dengan Bonifacio. Aguinaldo telah menghantar kolonel *Agapito Bonzon*

⁶⁴ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 224.

⁶⁵ Dengan sebab itu, Aguinaldo dikenali sebagai "Jeneral" atau "Capitan".

⁶⁶ Lebih daripada 200,000 tentera Sepanyol terlibat dalam perang di Cuba.

⁶⁷ Gregorio F. Zaide, *op.cit.*, hlm. 149.

⁶⁸ Selepas Gabenor Polavieja meninggalkan Manila, beliau diganti sementara oleh Jeneral Lachambre sebagai pemangku Gabenor Jeneral. *Ibid.*

untuk berunding dengan Bonifacio.⁶⁹ Malangnya, Bonifacio dengan tegas menyatakan keputusannya tidak mahu berganding bahu dengan Aguinaldo. Bonifacio pula terus mengadakan satu perjumpaan dengan pengikut-pengikutnya di Naik. Pada kali ini, persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan satu lagi kerajaan revolusioner. Kerajaan yang wujud di bawah Aguinaldo tidak diiktiraf oleh Bonifacio. Pada 8 Mei 1897, Aguinaldo telah menerima berita bahawa Bonifacio sedang mengumpulkan sebuah angkatan tentera untuk menentang beliau. Dengan itu, pada 10 Mei 1897, Bonifacio dan dua orang saudara kandungnya ditahan oleh orang-orang Aguinaldo atas tuduhan mengadakan komplot untuk menjatuhkan Aguinaldo. Selepas perbicaraan dalam mahkamah tentera, Bonifacio dikenakan hukuman mati.⁷⁰ Bonifacio dan saudaranya dibunuh di Gunung Buntis Cavite.⁷¹ Dengan ketiadaan Bonifacio, keadaan ini telah memberi peluang kepada Aguinaldo menjadi ketua tertinggi dalam gerakan revolusi.

Bonifacio merupakan inspirasi yang diperlukan oleh masyarakat untuk menumpukan perjuangan secara aktif. Sebaliknya Aguinaldo pula mempunyai motif tersendiri.⁷² Jadi, matlamat sebenar perjuangan telah diketepikan. Aguinaldo mengeluarkan perintah membunuh Bonifacio kerana bimbang sekiranya beliau dibenarkan hidup, Bonifacio akan menjadi penghalang kepada cita-cita politik Aguinaldo untuk menubuhkan kerajaan revolusioner. Ini membawa ketidakstabilan dan kekeliruan di dalam perjalanan revolusi dan memudahkan pihak Sepanyol mencapai kejayaan dan mengambil kembali beberapa kawasan.

⁶⁹ Antonio M. Molina, Vol. II, The Philippines Through the Centuries op.cit., hlm. 110.

⁷⁰ Exhibit 30, Court-Martial of Andres Bonifacio and Procopio Bonifacio and Others, bertarikh 28 Mei 1897, dalam P.I.R., A. 4, (N. P.).

⁷¹ Teodoro M. Kalaw, op.cit., hlm. 58.

⁷² Aguinaldo bercita-cita menjadi presiden Republik Filipina.

Sebenarnya isu penyingkiran dan pembunuhan Bonifacio adalah akibat daripada penyusupan ‘*sindrom ilustrado*’ ke dalam perjuangan nasionalisme Filipina demi merampas kuasa daripada golongan massa.⁷³ Semua perjuangan dan sumbangan golongan massa tidak mendapat pengiktirafan kerana telah dirampas oleh golongan *ilustrado*. Golongan *ilustrado* sedikit demi sedikit telah mengetepikan pengaruh golongan massa dan cuba menggunakan pelbagai cara untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam politik Filipina. Di bawah pimpinan Aguinaldo, kita dapat melihat bagaimana golongan *ilustrado* mengatur strategi untuk mendapat kembali kuasa dan pengaruh dalam politik Filipina. Jadi dengan ini dapat dikatakan revolusi tidak berjaya sepenuhnya kerana tiada perpaduan di kalangan rakyat dan tidak mempunyai seorang pemimpin yang benar-benar dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Terdapat beberapa peristiwa yang melemahkan pengaruh Bonifacio. Antaranya adalah tindakan beliau mendakwa bahawa konvensyen Tejeros adalah tidak sah dan mengadakan perjumpaan di Naik untuk penubuhan sebuah kerajaan revolucioner yang baru. Pada masa ini Bonifacio telah kehilangan sokongan masyarakat massa sama sekali. Menurut Santiago V. Alvarez, penduduk tempatan mula menentang *supremo* Andres Bonifacio kerana mereka mendengar khabar angin bahawa Bonifacio telah mengarahkan pembakaran rumah-rumah dan gereja di Indang.⁷⁴ Aguinaldo juga telah menerima maklumat bahawa Bonifacio adalah agen yang diupah oleh golongan paderi Sepanyol yang bertanggungjawab dalam kebakaran tersebut. Rakyat yang mempercayai khabar angin ini telah kehilangan keyakinan terhadap kepimpinan Bonifacio. Situasi ini telah membawa kepada kegagalan Bonifacio sebagai pemimpin revolusi. Menurut Renato Constantino,

⁷³ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, op.cit., hlm. 180.

⁷⁴ Santiago V. Alvarez, op.cit., hlm. 97.

sepanjang kehidupan Bonifacio, tidak ada rekod yang menunjukkan beliau pernah bertolak-ansur dengan pihak musuh dan juga tiada sebarang kenyataan yang boleh meragukan semangat patriotismenya. Bonifacio juga dikatakan bersikap tegas terhadap sesiapa yang menonjolkan kelemahannya ketika berhadapan dengan pihak Sepanyol. Walau bagaimanapun :

“The initial success of the Revolution which had influenced many members of the local elite to join the movement complicated the composition of the leadership.”⁷⁵

Bonifacio adalah seorang pemimpin yang radikal dan agresif. Tetapi persepsi beliau tidak diterima oleh golongan elit yang menyertai revolusi. Ini telah membawa kepada perubahan dan percanggahan di dalam konsep revolusi. Kini motif utama yang menjadi aspek unggul perjuangan adalah kuasa dan pengaruh. Menurut Constantino lagi :

“The birth of the Katipunan marked the passage of the leadership of the movement from the hands of the *ilustrados* to a leadership based on the people; the elections at Tejeros symbolized the seizure by a provincial élit to the leadership of mass movement that held prospects of success.”⁷⁶

Kini, corak perjuangan tidak lagi memfokuskan kepada penentangan dan pengusiran golongan penjajah dari Filipina. Konsep bertolak-ansur mula mengambil alih fahaman revolusi. Hal ini dibuktikan dengan kenyataan Constantino :

“... the group that eliminated Bonifacio was the one that subsequently entered into a series of compromises with the enemy which negated the original objectives of the Revolution.”⁷⁷

Keadaan ini melanggar objektif asal revolusi dan akhirnya telah membawa kepada pembunuhan Bonifacio secara tidak adil.

⁷⁵ Renato Constantino, *The Philippines : A Past Revisited*, *op.cit.*, hlm. 151.

⁷⁶ *Ibid.*, hlm. 180.

⁷⁷ *Ibid.*, hlm. 185.

Walaupun wujud perpecahan dalam gerakan revolusi 1896, ia tidak menamatkan proses revolusi di Filipina. Trend revolusi yang diasaskan oleh Bonifacio diteruskan oleh Aguinaldo dengan corak yang lebih agresif. Ketika Aguinaldo sibuk mengatur strategi, Gabenor baru Fernando Primo de Rivera tiba di Filipina pada 25 April 1897 untuk menggantikan Polavieja.⁷⁸ Sebagai langkah pertama untuk menangani revolusi, beliau bertindak untuk memberikan pengampunan kepada mereka yang terlibat dalam pemberontakan.⁷⁹

Aguinaldo yang berada di ibu pejabatnya di gunung Angat, Bulacan tidak menghiraukan cadangan perdamaian Primo de Rivera tersebut. Aguinaldo sebagai presiden sementara kerajaan revolucioner, mulakan gerakan untuk menyatukan rakyat dan menyediakan mereka secara sah ke arah entiti merdeka dan untuk menyokong revolusi.⁸⁰

Pada 6 September 1897, Aguinaldo mengumumkan manifesto menyarankan niat Filipina untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan. Pengumuman seperti berikut :

“... It is absolutely necessary to prolong the war and give the strongest possible evidence of our strength, so that Spain will be forced to concede whatever we desire...”⁸¹

Selepas pengumuman ini, ramai juga tentera tempatan yang berada dalam perkhidmatan Sepanyol, memihak kepada para pemberontak.⁸² Seterusnya, polisi murah hati yang diamalkan oleh gabenor jeneral memberi keazaman kepada orang Filipina untuk

⁷⁸ Gregoria F. Zaide, *The Philippine Revolution*, *op.cit.*, hlm. 150.

⁷⁹ Teodoro M. Kalaw, *op.cit.*, hlm. 52.

⁸⁰ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 245.

⁸¹ Exhibit 44., Proclamation of Aguinaldo {terjemahan daripada “La Politica de Espana en Filipinas”, Vol. III, 1897}, dalam P.I.R (N. P.)

⁸² Kebanyakkan tentera ini terdiri daripada mereka yang ditempatkan di kawasan terpencil di kawasan Morong (Luzon).

terus menentang lagi berbanding menyerah kalah.⁸³ Ia menaikkan lagi semangat untuk mendapatkan kebebasan melalui pembentukan sebuah kerajaan.

4.7 Pembentukan Kerajaan Biak-na-bato

Aguinaldo yang bercita-cita untuk menujuhkan sebuah kerajaan revolusioner telah mengambil beberapa usaha untuk menjayakan matlamat tersebut. Sebagai seorang *filibuster* maka tidak hairanlah beliau berhasrat membentuk kerajaan revolusioner. Antara usaha yang diambil ialah memindahkan ibu pejabat dari Cavite ke suatu tempat yang selamat dan dapat melarikan diri daripada buruan Primo de Rivera.⁸⁴ Pada penghujung Oktober 1897, para pemberontak telah memindahkan ibu pejabat dari Cavite ke Biak-na-bato, Bulacan. Objektif mereka ialah untuk menujuhkan ibu pejabat kerajaan revolusioner baru di Biak-na-bato yang diliputi hutan tebal.⁸⁵ Aguinaldo telah mengambil keputusan untuk mengubah corak perjuangan kepada lebih bersifat militan dan menekankan kaedah perang gerila.⁸⁶ Perang gerila menjadi pilihan terakhir untuk menentang habis-habisan pihak Sepanyol. Kedudukan Biak-na-bato amat menarik minat Aguinaldo dan berasa kawasan ini paling strategik untuk pelancaran perang gerila.⁸⁷ Dari Biak-na-bato Aguinaldo memberikan arahan kepada komander tenteranya yang berada di merata tempat seperti di Bulacan, Nueva Ecija, Pampanga, Bataan, Tarlac, Pangasinan, Batangas, Morong dan Cavite. Dari Biak-na-bato Aguinaldo memberikan arahan kepada komander tenteranya yang berada di merata tempat seperti di Bulacan, Nueva Ecija, Pampanga, Bataan, Tarlac, Pangasinan, Batangas, Morong dan Cavite.

⁸³ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 246.

⁸⁴ Onofre D. Corpuz, *The Roots of the Filipino Nation*, *op.cit.*, Vol. II, hlm. 255.

⁸⁵ Eufronio M. Alip, *In the Days of General Emilio Aguinaldo*, Manila : Alip & Sons. Inc., 1969, hlm. 37.

⁸⁶ John R.M. Taylor, *The Philippine Insurrection Against the United States*, Vol. I, Pasay City : Eugenio Lopez Foundation, 1971, hlm. 75.

⁸⁷ *Ibid.*, hlm. 38.

Tidak lama kemudian, Perlembagaan kerajaan Biak-na-bato diumumkan oleh Aguinaldo pada November 1897. Ia jelas merupakan sebuah dokumen demokrasi yang dipengaruhi oleh Perlembagaan Amerika Syarikat.⁸⁸

“This is a special Constitution of the Revolution which provided for the first time the pursuit of independence and the attainment of a republican form of government similar to that of the United States of America, essentially based on the most rigid principles of Liberty, Equality and Fraternity.”⁸⁹

Konsep republik Aguinaldo juga ada persamaan dengan Revolusi Perancis dari segi prinsip yang diikutinya.

Perlembagaan ini disediakan oleh Felix Ferrer dan Isabelo Artacho pada 31 Mei 1897. Perlembagaan Sementara kerajaan Biak-na-bato, bukanlah buah fikiran asli Artacho dar Ferrer tetapi kebanyakannya diambil daripada Perlembagaan Jimaguayu, Cuba.⁹⁰ Perlembagaan Sementara ini sah untuk dua tahun dan ditandatangani oleh 50 orang pemimpin revolusi. Kerajaan yang dibentuk ini dikenali sebagai kerajaan Biak-na-bato.⁹¹

Dengan tertubuhnya kerajaan ini ramai orang Filipina memberikan sokongan kepada revolusi dan dapat melihat masa depan dengan lebih optimism.⁹² Aguinaldo merayu agar orang ramai menyumbang bantuan kewangan bagi membiayai perbelanjaan senjata.⁹³ Misalnya, penduduk dari Kepulauan Visayan menawarkan ratusan sukarelawan kepada tentera Aguinaldo dan menyumbangkan 40,000 peso untuk membiayai peperangan.⁹⁴ Suatu perkara penting berlaku pada ketika itu di mana dua golongan iaitu

⁸⁸ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 246.

⁸⁹ Teodoro A. Agoncillo, *The Revolutionists : Aguinaldo, Bonifacio, Jacinto*, *op.cit.*, hlm. 20.

⁹⁰ Teodoro A. Agoncillo, *Malolos : The Crisis of the Republic*, Quezon City : University of the Philippines, 1960, hlm.18.

⁹¹ Perlembagaan ini mempunyai Majlis Tertinggi (Supreme Council) yang terdiri daripada Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Pedalamam, Setiausaha Perhubungan Luar, Setiausaha Peperangan dan Setiausaha Perbendaharaan. Bahasa Tagalog adalah bahasa rasmi republik Filipina. Perlembagaan ini juga mempunyai 4 artikel berkaitan Bill of Rights. Sila rujuk Exhibit 47, P.I.R., 25.1.

⁹² Teodoro A. Agoncillo, *The Revolutionists : Aguinaldo, Bonifacio, Jacinto*, *op.cit.*, hlm. 20.

⁹³ Exhibit 32, P.I.R., A.4. (N. P.).

⁹⁴ Figuracion Melanio Seduripa, *op.cit.*, hlm. 247.

golongan plebian dan kelas pertengahan bergabung dan terlibat dalam revolusi yang tidak pernah berlaku secara giat sebelum ini.

Dalam pertempuran awal, pasukan pemberontak mendapat kejayaan. Tetapi apabila dengan ketibaan tentera Sepanyol dari negara Sepanyol, pemberontak terpaksa berundur ke kawasan pergunungan berhampiran Manila dan mendirikan kubu kuat di situ. Walaupun sebahagian besar pemberontak tidak mempunyai senjata tetapi mereka mempunyai disiplin yang ketat dan semangat yang tinggi untuk membebaskan *motherland* mereka dari penjajah Sepanyol. Usaha Aguinaldo yang seterusnya ialah cuba mendapatkan senjata demi untuk kemenangan perjuangan beliau.⁹⁵

Para pemberontak Filipina terdesak untuk memperoleh senjata dan senjata api dari mana-mana sahaja ia terdapat. Ramai menggadaikan nyawa semata-mata untuk mendapatkan kemerdekaan. Antaranya seperti Francisco L. Roxas⁹⁶, telah dibunuh semasa pentadbiran Gabenor Camilo Polavieja kerana didakwa terlibat dan mengadakan hubungan dengan pedagang Jerman berkaitan dengan urusan pembelian senjata. Edilberto Evangelista,⁹⁷ pula telah mencadangkan kepada Aguinaldo agar mengadakan misi ke China dan Jepun untuk membeli senjata dan lain-lain keperluan ketenteraan.⁹⁸

Pihak Sepanyol sentiasa memerhatikan dengan teliti kemungkinan sebarang usaha pengimportan senjata api oleh pemberontak kerana keadaan tersebut akan menyukarkan

⁹⁵ Untuk menghadapi kekurangan senjata, pedagang Cina dan Jepun menyeludup senjata dan memberikan kepada para pemberontak. Senjata itu dapat membantu walaupun tidak cukup untuk tujuan revolusi. Pelbagai jenis senjata telah digunakan termasuk *olo*, pistol yang dibuat daripada paip besi. *Ibid.*, hlm. 248.

⁹⁶ Francisco L. Roxas - seorang pemilik kapal dan sepupu kepada orang kaya Pedro Roxas yang berada dalam buangan.

⁹⁷ Edilberto Evangelista - seorang jurutera kelulusan dari Belgium dipilih untuk menjalankan pembinaan kubu pertahanan.

⁹⁸ Pada masa yang sama Aguinaldo membuka kilang membuat dan memperbaiki senjata di bawah pengawasan seorang tukang besi Cina iaitu Ignacio Paua. Sila rujuk Eufronio M. Alip, *In the Days of General Emilio Aguinaldo*, Manila : Alip & Sons Inc., 1969, hlm. 29.

Sepanyol untuk menghadapi orang tempatan dalam peperangan. Sungguhpun Sepanyol sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga, namun ia tidak mengelakkan daripada orang tempatan memperoleh senjata.⁹⁹ Dalam kesusahan menghadapi pertempuran para pemberontak masih mengekalkan moral dan semangat heroism yang tinggi. Menurut Teller;

“The insurgents suffered hunger, cold, the sun’s heat and all the privations and sufferings of a merciless war; an almost certain death in campaigns undertaken without weapons, served but to stimulate their heroic hearts. The tears of mothers, wives, and children served only to spread throughout the people of the archipelago the unanimous cry, independence or death!”¹⁰⁰

Segala kepahitan dilalui dengan penuh kesabaran oleh orang Filipina demi untuk menuntut *motherland* mereka.

Pemberontakan rakyat Filipina tersebar ke seluruh kepulauan dan menjadi suatu pertempuran hebat untuk mendapatkan kebebasan daripada kekuasaan Sepanyol. Ramai golongan terpelajar Filipina di Eropah bekerjasama dengan Aguinaldo dalam perjuangan kebebasan. Melalui pengaruh mereka, ramai lagi bangkit melalui peningkatan kesedaran nasionalisme. Para pemberontak terus melancarkan serangan ke atas pihak Sepanyol dengan penuh bersemangat. Pemberontak juga berjaya menahan sebilangan besar paderi yang terlibat dalam pertempuran senjata.¹⁰¹ Seterusnya Aguinaldo cuba memperoleh sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat. Dalam perjuangan ke arah

⁹⁹ Dalam kira-kira 60,000 pemberontak di Cavite, 7,000 daripadanya memiliki senjata. Selebihnya hanya memiliki *bole*. Sila rujuk Figuracion Melanio Seduriha, *op.cit.*, hlm. 248.

¹⁰⁰ *Ibid.*, hlm. 247.

¹⁰¹ Di Manila, order agama telah menubuhkan badan tentera yang disusun dan diatur menjadi sebahagian daripada militia perbandaran. Walaupun pihak gereja menubuhkan barisan pertahanan, tetapi tentera Aguinaldo berjaya merampas sebilangan besar senapang daripada golongan paderi. Paderi tempatan amar marah dengan tindakan paderi Sepanyol yang melibatkan diri dalam peperangan. Paderi tempatan yang bersimpati dengan bangsanya sendiri akhirnya telah melibatkan diri dalam pemberontakan.

kemerdekaan, bangsa Moro¹⁰² dan suku kaum asli dilibatkan bersama dalam memberikan sokongan.¹⁰³

Pihak Sepanyol pula telah memulakan satu sistem yang lebih kejam dan penuh dengan keganasan sehingga menjalankan pembunuhan beramai-ramai.¹⁰⁴ Bertentangan dengan polisi Sepanyol, orang tempatan melayan tahanan Sepanyol mengikut prinsip dan keadilan tentera. Krisis di antara dua pihak semakin runcing setiap hari. Di samping kecewa dengan Sepanyol, orang tempatan terus bangun menentang di kawasan-kawasan lain di kepulauan untuk terus mempertahankan hak dan aspirasi nasional. Sepanyol mengalami kekalahan teruk dalam pertempuran di Binakayan, wilayah Cavite. Keadaan ini telah mendorong pihak Sepanyol untuk berdamai dengan pihak pemberontak.

4.8 Ke arah Perdamaian

Walaupun Aguinaldo telah mengambil pelbagai langkah untuk meneruskan perjuangan tetapi nasib tidak menyebelahinya. Di mana tidak lama kemudian pasukan tentera Aguinaldo mengalami kekalahan demi kekalahan. Pada masa yang sama pasukan tentera Sepanyol juga telah menjadi lemah. Keadaan ini telah mendorong pihak Sepanyol untuk mengadakan perdamaian dengan pemberontak Sepanyol.¹⁰⁵ Aguinaldo menerima

¹⁰²Bangsa Moro yang tinggal di Selatan mempunyai idea yang sama untuk menghalau Sepanyol. Walaupun mereka beragama Islam tetapi sanggup bekerjasama dengan orang Kristian.

¹⁰³Semasa Katipunan bertempur dengan Sepanyol, penduduk Moro dan suku kaum bukan kristian terlibat aktif dalam perjuangan. Ketika revolusi tersebar di seluruh Filipina, bangsa Moro dan bukan kristian sama-sama menuntut kemerdekaan bagi keseluruhan kepulauan. Walaupun bangsa Moro mempunyai perbezaan dari segi strata sosial, Aguinaldo berjaya menyesuaikan diri dengan mereka dan menyatukan bersama ke arah suatu perjuangan yang sama iaitu mendapatkan kebebasan daripada rejim Sepanyol Sila rujuk Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 252.

¹⁰⁴Pada penghujung tahun 1897, terdapat lebih daripada 40,000 orang tentera Sepanyol di Filipina yang bertempur dengan para pemberontak.

¹⁰⁵Gabenor Jeneral Fernando Primo de Rivera berasa sudah sampai masa untuk menamatkan permusuhan antara barisan musuh dan berpendapat perlu memberikan konsesi kepada orang tempatan. Oleh sebab Rivera terlalu bertolak-ansur, beliau dikritik hebat oleh orang Sepanyol kerana mereka khuatir akan kehilangan punca korupsi yang dinikmati. Sila rujuk Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 253.

usaha perdamaian ini untuk berehat sementara waktu, sebelum meneruskan perjuangan dengan strategi baru pada masa akan datang.

Tidak lama kemudian, usaha rundingan ke arah perdamaian dijalankan. Orang kenamaan Sepanyol terkenal seperti Father Jesuit Pio Pi dan Rafael Comenge yang perihatin dengan kerajaan cuba mengadakan rundingan dengan Aguinaldo untuk mengadakan perdamaian.¹⁰⁶ Memandangkan usaha awal ini gagal, Rivera telah melantik Pedro A. Paterno seorang peguam Filipina¹⁰⁷ yang kaya raya di Manila sebagai wakil sah kerajaan Sepanyol untuk pergi ke Biak-na-bato (kubu kuat pemberontak) untuk memujuk Aguinaldo dan orang-orangnya agar berdamai.¹⁰⁸ Sebenarnya Aguinaldo sebagai pemimpin revolusioner inginkan kemerdekaan mutlak Filipina.

Dalam peringkat awal konflik dengan Sepanyol, ternyata Aguinaldo menyokong penuh pemisahan dari Sepanyol dan itu menjadi objektif utama revolusi. Tetapi lama kelamaan dengan peredaran masa, Aguinaldo sebagai ketua komander mengalami kekalahan yang berturut-turut dalam pertempuran. Dengan kekurangan kelengkapan dari segi senjata dan peluru mereka tidak dapat meneruskan peperangan untuk masa yang lama. Dalam perjumpaan dengan Paterno yang telah diatur, Aguinaldo mencadangkan bahawa beliau akan meletakkan senjata dan meninggalkan Filipina dengan syarat kerajaan Sepanyol membayar sejumlah wang kepada pemberontak dan kepada mangsa peperangan.¹⁰⁹ Sungguhpun pada waktu itu kerajaan Sepanyol menghadapi masalah kekurangan wang

¹⁰⁶ Eufronio M. Alip, Political and Cultural History of Philippine, op.cit., hlm. 140.

¹⁰⁷ Memiliki Ijazah Kedoktoran Perundungan dari Madrid Central Universiti.

¹⁰⁸ Setiap hasil rundingan Paterno dengan pemimpin revolusi segera dilaporkan kepada gubernor.

¹⁰⁹ Figuracion Melanio Seduripa, op.cit., hlm. 256.

untuk membayar kepada pemberontak namun tanpa banyak perbincangan mereka bersetuju membayar sejumlah wang yang dituntut oleh pemimpin revolusioner.¹¹⁰

Oleh sebab keinginan yang kuat untuk menjadi presiden kerajaan republik Filipina, Aguinaldo mengatur pelbagai strategi untuk menghalau keluar penjajah Sepanyol. Walaupun Aguinaldo berpengalaman dalam bidang ketenteraan namun disebabkan kekurangan alat senjata, maka beliau terpaksa menukar corak perjuangannya kepada strategi tunggu dan lihat. Tindakan ini menunjukkan kebijaksanaan beliau kerana tidak ingin mengalami kekalahan tanpa perancangan yang baik dan teratur. Oleh yang demikian, beliau meninggalkan Cavite dan berpindah ke Biak-na-bato dan menunggu masa dan peluang yang terbaik untuk menghapuskan Sepanyol di Filipina. Ketika Aguinaldo berada di Biak-na-bato, Sepanyol telah mengambil peluang ini untuk mengadakan rundingan dengan golongan revolusioner. Dalam keadaan kekurangan kelengkapan senjata, Aguinaldo terpaksa memilih untuk berdamai dan tidak ingin mengorbankan nyawa dan harta benda.

Walaupun Pedro A. Paterno daripada kelas *ilustrado* berperanan sebagai pendamai antara pihak Sepanyol dan orang Filipina, tiada bukti yang jelas menunjukkan sama ada beliau mewakili kerajaan Sepanyol ataupun pihak pemberontak. Walau bagaimanpun, melalui Paterno kita dapat melihat strategi yang diguna oleh golongan *ilustrado* untuk mendapat kuasa dan pengaruh. Di mana Paterno berjaya mempengaruhi Aguinaldo untuk mengadakan perdamaian dengan Sepanyol. Melalui watak Paterno juga kita dapat lihat prinsip golongan *ilustrado* yang masih tidak berminat dalam pertumpahan darah dan inginkan perjuangan secara keamanan.

¹¹⁰Paterno beberapa kali telah berjumpa dengan Aguinaldo di ibu pejabatnya untuk membuat keputusan mengenai perdamaian dari bulan Ogos hingga Disember 1897.¹¹⁰ Selepas lima bulan, akhirnya diputuskan untuk membuat perjanjian.

Akhirnya, pada 14 Disember 1897, persetujuan untuk mengadakan gencatan senjata Biak-na-bato telah ditandatangani di Manila oleh Pedro A. Paterno sebagai wakil pihak revolusi dan Primo de Rivera sebagai wakil pihak Sepanyol.¹¹¹ Pemimpin pemberontak menerima tawaran tersebut kerana kerajaan Sepanyol dipercayai tidak akan layan seperti revolusionis tetapi kerajaan akan membawa kearah kesejahteraan dan kebajikan negara. Lagipun, persetujuan itu menunjukkan pembahagian yang sama rata di antara kedua-dua pihak. Para pemberontak mengadakan gencatan senjata dengan harapan akan wujud pembaruan di Filipina dan beberapa syarat ditetapkan untuk mengadakan perdamaian.

4.9 Syarat-syarat Perjanjian Biak-na-bato

Kerajaan kolonial bersetuju membayar P800,000 dalam tiga peringkat pembayaran. P400,000 akan dibayar pada hari pemergian Emilio Aguinaldo dan para pengikutnya ke Hong Kong. P400,000 lagi akan dibahagikan antara ketua-ketua lain di Filipina apabila mereka menyerahkan semua senjata.¹¹² Di samping itu, mangsa perperangan akan diberi pampasan. Sepanyol berjanji persamaan hak dan menjamin akan mengadakan pembaruan seperti yang diperjuangkan oleh Rizal.¹¹³ Antara pembaruan yang dipersetujui ialah, penyingkir segera order agama dan menghapuskan semua campur tangan golongan agama dalam urusan pentadbiran awam, perwakilan dalam Cortes, kebebasan untuk mengadakan persatuan, perhimpunan dan menerbitkan akhbar.¹¹⁴

¹¹¹ Maximo M. Kalaw, op.cit., hlm. 94.

¹¹² P.H. Zapanta, op.cit., hlm. 2.

¹¹³ Leandro H. Fernandez, The Philippine Republic, op.cit., hlm. 20.

¹¹⁴ Exhibit 39, P.I.R. filed A.4.

Pihak Sepanyol bukan sahaja berjanji akan memberi “*to grant an ample and general amnesty*” kepada mereka yang menyerahkan senjata tetapi juga bersetuju untuk memberi penghidupan yang lebih baik kepada pemberontak yang menyerah diri. Sebenarnya ramai ketua tempatan, percaya dan yakin Sepanyol akan melaksanakan semua pembaruan yang dijanjikan. Tetapi Aguinaldo sedar bahawa pihak Sepanyol tidak akan memberikan pembaruan dan mereka hanya mahu menghalau keluar pemimpin-pemimpin revolusi dari kepulauan. Sebenarnya dengan wang yang dimiliki oleh Aguinaldo dan pegawai-pegawaiannya, mereka mencadangkan wang tersebut digunakan untuk membeli senjata dan kelengkapan perang bagi persediaan menghadapi pemberontakan pada masa depan. Sebenarnya orang Filipina telah ditipu kerana pihak Sepanyol tidak mematuhi semua syarat perjanjian dengan sepenuhnya.

Dengan kejadian itu, orang tempatan mengutuk gencatan senjata yang dipersetujui oleh Aguinaldo. Orang Filipina juga hilang kepercayaan terhadap Sepanyol, dan mereka menuduh pemimpin pemberontak sebagai pembelot dan pengkhianat bangsa kerana menerima rasuah dan menjual negara semata-mata untuk mendapatkan wang. Mereka hilang kepercayaan terhadap pemimpin dan dituduh sebagai orang yang tidak jujur. Penerimaan Aguinaldo kepada syarat-syarat Perjanjian Biak-na-bato menimbulkan tanda tanya, sejauhmana kejujurannya dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan. Sebenarnya penerimaan Aguinaldo terhadap syarat-syarat perjanjian Biak-na-bato mempunyai tujuan di sebaliknya. Dalam menghadapi masalah kekurangan senjata, Aguinaldo terpaksa menggunakan cara ini untuk mendapatkan sumber kewangan untuk membeli senjata bagi melancarkan semula revolusi. Tindakan beliau seolah-olah menunjukkan Aguinaldo seorang pengkhianat, namun ini sebenarnya merupakan salah satu strategi beliau untuk menghalau Sepanyol keluar dari Filipina. Sementara di pihak

Sepanyol pula perjanjian ini diharapkan dapat menghalang golongan massa dan pemimpinnya daripada meneruskan pemberontakan. Tetapi gencatan senjata ini sebenarnya telah memberikan masa kepada Aguinaldo untuk mengorganisasi semula pemberontakan.¹¹⁵

Hanya beberapa hari setelah perjanjian ditandatangani, Civil Guard¹¹⁶ mula menahan dan menyeksa serta menembak mati orang-orang tempatan. Di Manila sahaja hampir 200 orang ditembak mati. Perjanjian yang dibuat menjadi sia-sia sahaja, tiada sebarang pembaruan dilakukan. Orang tempatan yang tertindas tiada pilihan lain selain daripada bangkit semula untuk menentang Sepanyol tanpa sebarang panduan daripada pemimpin revolusi yang akan berada dalam buangan di Hong Kong sebagai memenuhi syarat perjanjian.¹¹⁷

4.10 Aguinaldo Dalam Buangan

Aguinaldo bersama 35 ahli Katipunero berlepas ke Hong Kong pada 27 Disember 1897. Kerajaan kolonial membayar P400,000 sebagai bayaran pertama. Baki bayaran akan diberi apabila sampai di Hong Kong dan menyerahkan segala senjata yang dimiliki. Sementara golongan revolucioner berada dalam buangan, orang tempatan di Filipina pula menderita akibat ancaman balas dendam pihak Sepanyol. Walaupun penyerahan senjata terus berlaku, tetapi kebanyakkan pegawai Sepanyol mungkir janji.¹¹⁸

¹¹⁵Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 260.

¹¹⁶Civil Guard – pegawai keselamatan Sepanyol.

¹¹⁷Wakil pihak Sepanyol iaitu Jeneral Monet dan Tejeiro ditempatkan di Biak-na-bato sebagai tebusan untuk memastikan para pemberontak mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui. Bersama Aguinaldo, Lieut. Col. Miguel Primo de Rivera (anak saudara Rivera) telah pergi ke Hong Kong sebagai tebusan. Turut bersama mengikut ialah Aguinaldo dan para pengikutnya iaitu Pedro A. Paterno. Sila rujuk Antonio M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Vol. II, *op.cit.*, hlm. 261.

¹¹⁸*Ibid.*, hlm. 262.

Apabila baki wang seperti yang dijanjikan masih tidak diterima pemimpin-pemimpin revolusi, mereka bermusuh semula dengan Sepanyol. Oleh sebab syarat perjanjian tidak diikuti oleh pihak Sepanyol, orang Filipina sedar dan telah terbukti bahawa perjanjian Biak-na-bato tidak sah. Lantaran itu para pemimpin menubuhkan junta atau jawatankuasa revolusi untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar.¹¹⁹ Mereka mencari peluang untuk kembali ke Filipina. Pemimpin pemberontak mengeluarkan wang daripada bank di Hong Kong untuk membeli senjata sebagai persediaan untuk memulakan semula pemberontakan.¹²⁰ Mereka sering mengadakan perjumpaan dan mengatur langkah dari masa ke semasa di Hong Kong dan sentiasa mengikuti perkembangan di Filipina untuk kembali ke Filipina dan meneruskan semula revolusi.

4.11 Pencabulan Perjanjian Biak-na-bato Dan Kebangkitan Semula

Pihak Sepanyol tidak jujur dalam perjanjian yang ditandatanganinya. Mereka telah melakukan beberapa pencabulan. Antaranya ialah tidak membayar baki bayaran sebanyak P400,000 kepada orang tempatan, beberapa pemimpin dihukum bunuh, mengharamkan *Diario de Manila* iaitu akhbar milik para pemberontak dan yang penting tidak melaksanakan program pembaruan seperti yang dijanjikan. Menurut Manuel Sastron, seorang penulis Sepanyol, beliau menyindir keadaan di Filipina seperti berikut, “*Pax, pax, et non erat pax*” (peace, peace but there was no peace).¹²¹

¹¹⁹Ibid., hlm. 263.

¹²⁰Mengikut dokumen yang ditandatangani oleh Aguinaldo dan ahli Hong Kong Junta Patriotica (kaunsil patriotik), wang yang diterima Aguinaldo tidak dibahagikan tetapi telah disimpan dalam bank Hong Kong. Ibid.

¹²¹Eufronio M. Alip, Political and Cultural History of Philippine, op.cit., hlm. 146.

Apabila terbukti berlaku pencabulan dalam perjanjian Biak-na-bato, Aguinaldo telah membuat persiapan untuk pulang ke Filipina untuk melancarkan revolusi. Gabenor Rivera yang mengetahui keputusan itu telah menulis surat kepada Aguinaldo, agar tidak pulang ke Filipina.¹²² Tetapi golongan revolucioner sudah hilang keyakinan terhadap Sepanyol dan mereka tetap bersedia mahu berjuang untuk kebebasan.¹²³

Ketika Aguinaldo menandatangani perjanjian Biak-na-bato, terdapat segelintir pemimpin tempatan yang enggan menyerah diri. Mereka ini tidak pernah luntur semangat, kuasa dan keazaman dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan kebebasan. Secara rahsia, mereka meneruskan perjuangan untuk membebaskan penduduk daripada penindasan dan ingin mendapatkan kemerdekaan Filipina pada awal tahun 1898. Pasukan tentera Sepanyol terus menjalankan operasi besar-besaran untuk mematahkan kebangkitan semula pemberontak. Mereka bertindak kejam dengan menyerang dan menyerbu kawasan dan kediaman para pemberontak. Pada masa yang sama di Hong Kong, Aguinaldo telah membuat persiapan terakhir untuk kembali ke Filipina untuk meneruskan semula penentangan terhadap Sepanyol.¹²⁴

Suatu persoalan timbul iaitu mengapa Perjanjian Biak-na-bato gagal membawa keamanan? Mengikut Apolinario Mabini, kedua-dua belah pihak pun tidak jujur semasa menandatangani perjanjian tersebut. Menurut Agoncillo pula, pendapat Mabini hanya boleh diterima sebahagian sahaja. Gabenor Primo de Rivera dikatakan menunjukkan simpati dengan aspirasi orang Filipina tetapi tidak dapat menerima permintaan Aguinaldo yang mendesak mengadakan perbaruan secara radikal dalam pentadbiran khususnya untuk

¹²² Melanio Seduripa Figuracion, *op.cit.*, hlm. 263.

¹²³ *Ibid.*, hlm. 266.

¹²⁴ *Ibid.*

menghapuskan order agama di Filipina. Sebenarnya Primo de Rivera sendiri tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan pembaruan tersebut. Semasa Primo de Rivera menerima cadangan Paterno, beliau dikatakan ikhlas dan ingin mahu menamatkan pertumpahan darah dan ingin memulakan suatu hubungan baru antara Sepanyol dan Filipina. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa de Rivera bertindak jahat semasa menandatangani perjanjian Biak-na-bato. Di pihak lain, menurut Jeneral Jose Alejandrino,¹²⁵ pemimpin pemberontak tidak mempunyai niat untuk patuh kepada sebarang syarat-syarat perjanjian. Sebaliknya, ia telah diakui oleh Aguinaldo dimana wang pampasan yang diterima akan digunakan untuk membeli senjata sebagai persediaan untuk melancarkan revolusi lagi. Dengan itu dapat dikatakan, di pihak pemimpin pemberontak mereka memang mempunyai perasaan dendam dan di pihak de Rivera pula, beliau jujur untuk mengembalikan keamanan tetapi tanpa sebarang persetujuan dari negara Sepanyol.

Suatu persoalan lagi timbul ialah mengapa pemimpin pemberontak mencabuli syarat perjanjian? Dikatakan pengalaman dari segi sejarah di bawah penjajahan Sepanyol, mendorong orang Filipina bertindak demikian. Ini kerana berita penindasan terhadap orang Filipina jarang sampai ke pengetahuan negara Sepanyol. Sekiranya berita itu sampai kepada kerajaan Sepanyol, biasanya ia akan diendahkan oleh pegawai kerajaan atau golongan paderi Sepanyol. Dengan ini, orang Filipina sedar bahawa segala janji orang Sepanyol adalah tipu belaka. Tanggapan buruk terhadap Sepanyol ini telah meresap dalam pemikiran dan jiwa orang Filipina. Ketika revolusi berlaku dan janji-janji yang dibuat oleh pihak Sepanyol, tidak dapat menyakinkan orang Filipina dan pemimpin mereka. Sifat ragu-ragu dan tidak percaya terhadap janji-janji Sepanyol adalah atas pengalaman mereka yang lalu di

¹²⁵Jose Alejandrino - berasal dari keluarga kaya di Pampanga. Pada tahun 1880 telah pergi ke Madrid dan pada tahun 1890 ke Brussels. Kembali ke Manila pada tahun 1895 dan menyertai Katipunan. Pada tahun 1896 menyertai misi ke China dan Jepun untuk membeli senjata. Beliau penyokong kuat Rizal.

mana Sepanyol seringkali mungkir janji. Pengalaman yang lalu ini menyebabkan pemimpin pemberontak tidak mempercayai niat baik dan kejujuran de Rivera. Dengan itu, Aguinaldo sangsi dengan de Rivera dan menganggap beliau sebagai penipu dan sebab itu, dia sanggup menerima wang pampasan untuk tujuan lain dan bukan seperti yang tercatat dalam perjanjian.

Apakah peranan pihak Sepanyol yang membawa kepada kegagalan perjanjian tersebut? Di pihak de Rivera beliau telah menunjukkan bahawa beliau benar-benar jujur. Dimana beliau telah menghantar bersama dua orang tahanan (*hostages*) Sepanyol dan salah seorang daripadanya ialah anak saudaranya sendiri mengiringi Aguinaldo bersama pengikut-pengikut ke Hong Kong dan membayar P600,000 kepada para pemberontak. P400,000 dibayar kepada Aguinaldo apabila beliau berangkat ke Hong Kong dan P200,000 lagi dibayar kemudian kepada pemberontak yang tinggal di Filipina.¹²⁶ Sekiranya de Rivera tidak jujur, beliau boleh mengarahkan untuk menangkap lain-lain pemimpin pemberontak seperti Ricarte, Paciano Rizal, Artacgo dan Baldomero Aguinaldo yang masih berada di Filipina apabila sahaja Aguinaldo berangkat ke Hong Kong. Tetapi de Rivera tidak berbuat demikian memandangkan beliau benar-benar mahukan keamanan. Pada masa yang sama de Rivera telah mengadakan sambutan perayaan sempena kembalinya keamanan di Filipina. Ini juga menunjukkan kejujuran de Rivera dalam janji yang dibuatnya. Tetapi kemudiannya penangkapan terhadap pemberontak-pemberontak dijalankan berikutan kecurigaan orang Sepanyol terhadap orang Filipina kerana mereka tidak berniat untuk menyerahkan semua senjata. Ini kerana hanya sebilangan kecil sahaja senjata diterima berbanding dengan yang sebenarnya.

¹²⁶Exhibit 36., "Rundingan Perdamaian Gabenor Jeneral Primo de Rivera melalui Pedro A. Paterno dengan Emilio Aguinaldo", P.I.R. (n. p.).

Penangkapan orang Filipina sama ada pemberontak atau orang biasa, menjadi peristiwa malang kepada Sepanyol kerana insiden penangkapan itu telah digunakan sebagai alasan oleh para pemimpin yang berada dalam buangan di Hong Kong untuk melancarkan perperangan terhadap Sepanyol. Di Filipina pula, pemimpin pemberontak tempatan misalnya Francisco Makabulos yang telah menerima wang pampasan telah bertindak untuk menubuhkan kerajaan revolusioner di Gunung Biak-na-bato. Maka dapat dikatakan, kegagalan perjanjian Biak-na-bato adalah menjadi tanggungjawab orang Filipina. Walaupun gagal, perjanjian Biak-na-bato mempunyai hikmah disebaliknya. Secara tidak langsung ia telah membawa perkembangan yang positif dalam perkembangan nasionalisme di Filipina. Perjanjian Biak-na-bato menjadi panduan dan pengajaran kepada para pemimpin nasionalisme Filipina.

Nasionalisme Filipina mengorak langkah baru selepas kematian Rizal dan kemunculan tokoh berwibawa iaitu Bonifacio yang telah mencorakkan nasionalisme bersifat radikal melalui pertubuhannya, Katipunan. Para pengikutnya telah ditanam dengan sifat patriotisme dan sifat sanggup berkorban untuk *motherland* dan ini amat jelas melalui kumpulan *bayani* yang dibentuknya. Seperti yang dijangka semangat yang kental sahaja tidak memadai kerana revolusi yang dilancarkan telah menemui kegagalan. Walaupun kedua-dua tokoh tersebut berhasrat melahirkan golongan *filibuster* atau revolusioner, tetapi Bonifacio amat mementingkan konsep heroisme dan patriotisme sedangkan Aguinaldo pula menekankan semangat ketenteraan di kalangan orang Filipina. Sememangnya usaha Aguinaldo yang menekankan ketenteraan menampakkan kejayaan. Namun begitu pihak Sepanyol tetap unggul dan sukar dikalahkan. Aguinaldo juga terpaksa berfikir kembali mengenai strategi yang diatur oleh beliau. Adalah diakui pihak Sepanyol lebih kuat dari

segi ketenteraan dan senjata. Menyedari hakikat ini, Aguinaldo beralih ke cara diplomasi. Perjanjian Biak-na-bato yang ditandatangani oleh beliau dengan pihak Sepanyol sebenarnya merupakan satu langkah ke hadapan. Kesanggupan pihak Sepanyol untuk berunding dengan nasionalis Filipina adalah bukti pihak Sepanyol memberi perhatian serius terhadap ancaman nasionalis tempatan. Ini secara tidak langsung menunjukkan pengiktirafan yang diberikan oleh pihak Sepanyol terhadap usaha golongan nasionalis ini.

Peristiwa Perjanjian Biak-na-bato juga menandakan permulaan pengaruh golongan *ilustrado* untuk mengukuhkan kuasa dan pada masa yang sama menandakan permulaan konflik antara golongan *ilustrado* dan golongan massa. Perjanjian Biak-na-bato juga menjadi satu penantian sementara untuk Aguinaldo memikirkan strategi seterusnya. Tidak dapat dinafikan kedua-dua pihak yang membuat perjanjian tersebut telah memungkirinya. Namun begitu, Aguinaldo telah menepati satu syarat utama yang dikenakan iaitu beliau dikehendaki meninggalkan Filipina dan berpindah ke Hong Kong. Kesanggupan beliau melakukan perkara ini seharusnya dipuji. Perpindahan beliau ke Hong Kong adalah demi negaranya yang tercinta. Beliau mungkin berada di Hong Kong, namun seluruh tenaga dan fikirannya masih tertumpu kepada *motherlandnya*, Filipina. Ini mencirikan jiwa seorang nasionalis yang sanggup berpindah ke sebuah negara yang terletak begitu jauh dari Filipina. Pemergian Aguinaldo ke Hong Kong mencorakkan satu lagi episod menarik dalam perkembangan nasionalisme di Filipina. Dari sinilah beliau telah menggunakan segala kesempatan yang ada untuk menarik satu lagi kuasa besar ke kancah peperangan di rantau ini. Rundingan Aguinaldo dengan pihak Amerika Syarikat sesungguhnya telah membawa kesan yang besar dalam penguasaan Sepanyol terhadap Filipina.